



BULETIN MAME 2024

**Jilid 7 Isu 1
Edisi: Januari 2024**

KATA-KATA ALUAN PRESIDEN MAME



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Rasanya tidak terlalu lewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2024 kepada semua ahli MAME dan para pendidik muzik serta penyokong Pendidikan Seni Muzik. Masa berlalu begitu pantas dan kini sudahpun bulan Februari di tahun baharu. Seperti tahun-tahun sebelum ini, MAME terus bergerak aktif untuk merealisasi matlamat penubuhan MAME. Terdapat beberapa fokus bagi ahli jawatankuasa MAME sesi 2023-2025 - iaitu pengajaran dan pembelajaran muzik di sekolah, advokasi pendidikan muzik di peringkat dalam dan luar negara, kolaborasi merentasi bidang, perkembangan dan latihan profesional para pendidik muzik dan penerbitan serta penyelidikan. Ke arah ini, pengukuhan peranan MAME di peringkat kebangsaan demi memartabatkan pendidikan muzik, pengiktirafan terhadap pendidikan muzik Malaysia di peringkat antarabangsa, peningkatan kerjasama bersama semua pemegang taruh pendidikan muzik dan perkembangan profesional pendidik muzik akan menjamin pendidikan muzik di Malaysia yang lebih berkesan.

Beberapa aktiviti strategik telah dikenal pasti termasuk menubuhkan kumpulan bertindak yang diketuai dan terdiri daripada ahli-ahli MAME; projek kerjasama dengan Jabatan Belia & Sukan dalam penganjuran projek Rakan Muzik Komuniti yang berjaya memperkenalkan MAME kepada kesemua negeri dan wilayah persekutuan di Malaysia; penganjuran *roadshow* untuk memperkenalkan selain berinteraksi dengan pendidik muzik di negeri-negeri Sarawak, Melaka dan seterusnya pada 2024, di Kelantan; anugerah Gilbert De Greeve di mana guru muzik boleh menerima anugerah geran bagi projek pendidikan muzik; Persidangan Pendidikan Muzik Malaysia 2024 (MusEd'24) yang bakal berlangsung secara atas talian pada 17-19 Mei 2024 dengan tujuan untuk memberi pendidik muzik Malaysia platform untuk berkongsi ilmu, kemahiran, amalan terbaik serta mempelajari yang terkini dari pembentang dalam dan luar negara. Saya berharap semua ahli MAME akan menghadiri MusEd'24 untuk kesempatan berkongsi ilmu, pengalaman dan kajian yang sudah tentunya

boleh dimanfaatkan oleh keluarga besar pendidik muzik selain membantu memartabatkan pendidikan muzik di tanah air. Saya juga amat berharap semua ahli MAME akan terus menyokong MAME bagi membolehkan MAME bersuara bagi pihak pendidikan muzik di Malaysia.

Edisi Buletin MAME kali ini mengandungi 11 laporan mengenai setiap topik yang telah dibentang oleh pakar-pakar yang juga merupakan ahli MAME dalam 30 sesi projek Rakan Muzik Komuniti MAME bersama Jabatan Belia dan Sukan. Lima (5) artikel dan laporan mengenai aktiviti pendidikan muzik di peringkat sekolah dan universiti juga disertakan dalam edisi Buletin MAME kali ini. Terima kasih kepada semua penyumbang artikel dan penulis laporan. Terima kasih juga kepada Ketua Editor Dr. Fauzila binti Abdul Latif, sidang pengarang serta penasihat Buletin MAME. Memandangkan buletin ini adalah yang terakhir bagi Dr. Fauzila, saya ingin mengambil peluang untuk merakamkan ucapan penghargaan khas dan berbanyak terima kasih kepada Dr. Fauzila di atas segala usaha dan sumbangan beliau sepanjang beliau menjadi Ketua Editor Buletin MAME. Akhir sekali, saya ingin menjemput ahli-ahli MAME untuk menyumbangkan artikel atau laporan bagi Buletin MAME yang seterusnya. Perkongsian idea dan pengalaman di kalangan kita akan membantu memajukan bidang pendidikan muzik dan kerjaya kita sebagai pendidik. Semoga Buletin MAME akan terus berkembang dan menjadi suara, penyatu dan pemangkin kepada pendidikan muzik Malaysia.

Selamat membaca!

Sekian, terima kasih.



Profesor Madya Dr. Ramona Mohd. Tahir
Presiden
Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia (MAME) Baru

KANDUNGAN

PROJEK RAKAN MUZIK KOMUNITI (MAME): MARI BERKREATIF DALAM MUZIK	01
PROJEK RAKAN MUZIK KOMUNITI (MAME): KENALI KOMPOSER MUZIK	04
PROJEK RAKAN MUZIK KOMUNITI (MAME): NAK BELAJAR MUZIK? JOM!	07
PROJEK RAKAN MUZIK KOMUNITI (MAME): JELAJAHI MUZIK DALAM BUDAYA	10
PROJEK RAKAN MUZIK KOMUNITI (MAME): KERJAYA MUZIK, SIAPA YANG TAHU?	12
PROJEK RAKAN MUZIK KOMUNITI (MAME): JAMBOREE LAGU RAKYAT MALAYSIA	14
PROJEK RAKAN MUZIK KOMUNITI (MAME): SERLAHKAN BAKAT DALAM CIPTAAN LIRIK DAN MUZIK	17
PROJEK RAKAN MUZIK KOMUNITI (MAME): JAMMING X BODY PERCUSSION	21
PROJEK RAKAN MUZIK KOMUNITI (MAME): KENALI KOMPOSER MALAYSIA	23
PROJEK RAKAN MUZIK KOMUNITI (MAME): MUZIK ITU SENI, MUZIK ITU SAIANS	26
PROJEK RAKAN MUZIK KOMUNITI (MAME): IKON MUZIK MALAYSIA	29
NYANYIAN DAN TARIAN INDUNG KAUM MELAYU ULU TEMBELING	32
PERTANDINGAN BATTLE OF THE BANDS 2023	36
VISITING PROFESSOR OF MUSIC FROM GERMANY	41
THE USE OF DALCROZE'S EURHYTHMIC APPROACH IN MUSIC PEDAGOGY	43
THE IMPORTANCE OF MUSIC IN EARLY CHILDHOOD EDUCATION	47

PROJEK RAKAN MUZIK KOMUNITI (M.A.M.E.) MARI BERKREATIF DALAM MUZIK

RAKAN MUDA RAKAN MUZIK

MAME
SEMUA YANG BERUMUR 13 - 30 TAHUN
JOM SERTAI !!!!

**MARI BERKREATIF
DALAM MUZIK**



Penceramah:
En. Yew Zhi Yong

SABTU
28 OKTOBER 2023
8PM-10PM

HUBUNGI KAMI:
mamebaru2016@gmail.com

IMBAS KOD QR UNTUK ISI BORANG PENYERTAAN
JOM DAFTAR SEKARANG!
*MOHON PILIH KEDAH DALAM BORANG

Dibawa oleh: **MAME** | **JBSN** | www.jbsn.gov.my | [f](#) | [@](#) | [v](#) | [t](#) | [s](#) | [n](#) | [g](#) | [a](#) | [r](#) | [a](#)




Sesi Mari Berkreatif Dalam Muzik yang telah diadakan pada 29 Julai, 12 Ogos dan 28 Oktober 2023 merupakan sesi yang amat menarik terutamanya dari segi penciptaan dan penggubahan lagu secara mudah menggunakan aplikasi atas talian.

Dalam sesi ini, En. Lim Li Wen dan En. Yew Zhi Yong telah memberikan pengenalan penciptaan muzik melalui applikasi Song Maker dan BandLab. Song Maker merupakan alat kreatif yang membolehkan pengguna untuk membuat karya muzik secara mudah. Aplikasi ini dilengkapi dengan antara muka yang mesra pengguna, menyediakan instrumen muzik virtual yang pelbagai, dan menggunakan grid atau notasi muzik untuk memudahkan pengguna dalam mencipta melodi menerusi penyusunan elemen muzik. Aplikasi ini amat bermaanfaat kepada pengguna yang baharu mahupun yang pakar. Penciptaan muzik tanpa perlu memahami produksi muzik profesional dan dilengkapi dengan fitur-fitur yang intuitif dan beragam, Song Maker mendorong eksplorasi kreativiti muzikal serta menghasilkan karya muzik sendiri yang unik.

Sebelum memulakan penciptaan, peserta diperkenalkan dengan asas muzik dan konsep yang paling asas dalam pembinaan melodi melalui konsep pic tinggi dan pic rendah. Warna digunakan untuk melambangkan tinggi rendah pic yang dikehendaki.


Rajah 1: Konsep asas kreatif melambangkan ketinggian pic



Muzik saling berkait rapat dengan perubahan cita rasa dan perasaan apabila diperdengarkan oleh pendengar. Dalam sesi ini, peserta telah ditunjukkan asas membina gambaran yang membantu penghasilan karya mereka yang dapat menarik perhatian pendengar melalui corak-corak harmoni dalam elemen asas muzik. Penghasilan karya juga ditambahkan dengan corak irama yang asas bagi membolehkan karya tersebut kedengaran lebih tebal dari segi tekstur serta mewujudkan cita rasa yang lebih menarik.


Pada sesi kedua, peserta diperkenalkan dengan BandLab oleh En. Yew Zhi Yong. BandLab merupakan platform penciptaan muzik yang serbaguna. Pengguna boleh mengubah, merakam, dan menghasilkan muzik menggunakan antara muka yang mudah difahami dan perpustakaan instrumen maya yang luas. Dengan ciri-ciri untuk menghasilkan karya muzik, dan berkongsi secara atas talian, BandLab digunakan dengan meluas untuk mencipta, berkolaborasi, dan berkongsi hasil ciptaan muzik secara dalam talian.

Rajah 2: Platform BandLab untuk mencipta muzik



Dalam sesi ini, En. Yew memperkenalkan beberapa genre yang biasa kedengaran serta variasi corak irama yang boleh diaplikasikan dalam penciptaan sesebuah karya. Para peserta telah dijemput untuk bersama-sama menyahut cabaran bagi merekod corak irama secara atas talian melalui mikrofon dan corak irama tersebut kemudiannya digabungkan untuk menghasilkan karya yang menarik.

Rajah 3: Merekod corak irama secara atas talian



Demikianlah sesi Mari Berkreatif Dalam Muzik yang telah berjaya diadakan untuk belia di tiga buah negeri di Malaysia. Semoga semua para peserta yang menghadiri bengkel ini dapat memanfaatkan sesi perkongsian yang julung kalinya dianjurkan oleh Projek Rakan Muzik Komuniti Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia.

Dilaporkan oleh: Lim Li Wen



PROJEK RAKAN MUZIK KOMUNITI (M.A.M.E.) KENALI KOMPOSER MUZIK

BENGKEL RAKAN MUZIK KOMUNITI

Jadual Sesi Julai

[SABTU] **29** | **MARI BERKREATIF DALAM MUZIK**
Lim Li Wen & Yew Zhi Yong
4 - 6pm (PULAU PINANG)

[AHAD] **30** | **KENALI KOMPOSER MALAYSIA**
Isabella Pek
4 - 6pm (PULAU PINANG)

NAK BELAJAR MUZIK? JOM!
Ong Bee Bee & Heng Joe Shen
8 - 10pm (WP KL/CB3/PT3)

IMBAS KOD QR UNTUK ISI BORANG PENYERTAAN
JOM DAFTAR SEKARANG!

Dibawa oleh: MAME, JBSN, www.jbsn.gov.my, @jbsn, @mame



Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia (MAME) Baru dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) telah menganjurkan Bengkel Rakan Muzik Komuniti bertajuk KENALI KOMPOSER MALAYSIA (SESI 2). Bengkel ini berlangsung pada 30 Julai 2023 bagi belia negeri Pulau Pinang. Sasaran golongan belia yang menyertai bengkel ini adalah mereka yang berumur antara 13 hingga 25 tahun. Bengkel ini telah disampaikan oleh Pn. Isabella Pek, Pengarah Unit Muzik DBKL secara maya menerusi aplikasi Zoom pada jam 4:00 hingga 6:00 petang.

Menerusi bengkel Kenali Komposer Malaysia, penceramah memperkenalkan beberapa komposer yang merupakan penggiat aktif dalam penciptaan lagu untuk tanah air. Antaranya termasuklah Allahyarham P. Ramlee, Jimmy Boyle, Ahmad Nawab, BM boys Ah Niu (A-Gu). Kesemua komposer ini mempunyai satu persamaan iaitu mereka berasal dari Pulau Pinang.


Sebelum memulakan sesi bengkel, penceramah telah mengemukakan beberapa soalan berfokus supaya lebih menepati hala tujuan bengkel ini. Antaranya termasuk apa yang dilakukan oleh seseorang komposer, pendapatannya dan juga sebab-sebab kita harus kenali komposer di Malaysia. Ramai peserta menyatakan bahawa lagu-lagu ciptaan Arwahyarham Tan Sri P. Ramlee masih didengar oleh generasi hari ini. Menurut Pn. Isabella, P. Ramlee bukan sahaja terkenal sebagai pelakon, tetapi juga sebagai penyanyi, komposer, pengarah, penulis skrip dan penulis lirik. Antara karya yang dimainkan semasa bengkel ialah Getaran Jiwa, Joget Si Pinang Muda dan Bujang Lapok. Karya-karya ini boleh dikatakan melangkaui zaman dan memberi banyak memori kepada pendengar.

Karya lagu yang dipilih dengan teliti untuk dimainkan dalam bengkel ini telah memberi peluang dan inspirasi kepada generasi muda bagaimana untuk menghayati sesebuah lagu. Contoh yang terbaik ditunjukkan ialah menerusi karya Jimmy Boyle, seorang komposer yang berasal dari Pulau Pinang. Karya lagunya seperti ‘Putera Puteri’ banyak digunakan dalam pendidikan muzik sekolah rendah dan menengah. Bukan itu sahaja, karya seperti Jauh-Jauh sering digunakan sebagai contoh kepada pelajar semasa mempelajari cara membuat komposisi lagu.

Ahmad Nawab merupakan komposer yang masih aktif hingga kini. Apa yang membanggakan adalah beliau telah mencipta lebih daripada 2000 buah lagu dan muzik. Antara karya yang ditunjukkan oleh penceramah termasuklah Sabar Menanti, Ku Gembira di Samping Mu dan Jangan Tinggal Daku. Lagu yang terkenal ramai, ‘Cuti-Cuti Malaysia’ juga merupakan salah satu karya Ahmad Nawab yang hingga kini tidak dapat dilupakan.


Bukit Mertajam (BM) Boys merupakan kumpulan yang pernah memberi sumbangan yang simbolik kepada industri muzik cina. Lagu mereka memberi impak yang besar hingga kini walaupun kumpulan ini tidak lagi wujud hari ini. Antara tiga lagu yang dimainkan semasa bengkel ialah Yue Lian Yuan (Bulan Bulat), Gu Xiang (Kampung) dan Tong Nian Song (Dendang Kanak). Lagu-lagu ini memberi nostalgia tentang ciri-ciri kehidupan kampung dan cara untuk mengalami kehidupan yang lebih baik. Selain itu, Ah Niu, seorang pencipta lagu yang bukan sahaja terkenal dalam industri muzik di Malaysia malah di negara China, telah berjaya mencipta lagu yang masih malar segar sehingga kini.

Rajah 1: Antara komposer yang dibincangkan di dalam bengkel



Bagi memastikan peserta memahami apa yang disampaikan oleh penceramah, kuiz telah disediakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selepas sesi menjawab kuiz, penceramah berbincang jawapan yang betul untuk sesi kuiz dengan tujuan memantapkan lagi pengetahuan terhadap komposer-komposer yang diperkenalkan. Menerusi kuiz ini, peserta dapat mengetahui tentang legasi komposisi P. Ramlee dan Jimmy Boyle.

Rajah 2: Antara soalan kuiz yang disertakan dalam bengkel



Sesi bengkel diteruskan dengan perkongsian dari seorang komposer muzik untuk *games and animation*, Falk Au Yeong. Salah satu karyanya yang digunakan dalam Final Fantasy telah mencatat kejayaan beliau dalam bidang muzik. Bagi beliau, muzik memainkan peranan yang penting dalam menjayakan sesebuah *video game*. Sebelum mencipta muzik untuk permainan tersebut, beliau turut melibatkan diri dalam memainkan *video game* tersebut untuk mencari inspirasi dalam komposisi. Falk, yang juga merupakan seorang *Mixing Engineer* memberi gambaran yang lebih jelas tentang apa yang beliau lakukan dalam kerjaya beliau. Dalam sesi perkongsian ini, beliau turut berkata bahawa muzik merupakan sokongan kepada *video game* dalam memastikan dialog dan jalan ceritanya mudah difahami. Sesi perkongsian ini juga menarik perhatian ramai apabila contoh-contoh karya ditunjukkan serta sesi soal jawab diadakan mengenai generasi muda yang lebih meminati dalam bidang penciptaan muzik untuk *games and animation*. Sebelum mengakhiri bengkel ini, Isabella, penceramah bengkel ini menyatakan pandangan beliau tentang kepentingan seseorang untuk belajar ilmu muzik (teori) sebelum menceburi diri dalam bidang dan industri muzik.

Rajah 3: En Falk Au Yeong berkongsi input berkaitan *Games and Animation*



Kesimpulannya, Lagu-lagu Komposer yang diperkenalkan dalam bengkel ini telah berjaya memberi impak melangkaui zaman dan ini sepatutnya menjadi inspirasi kepada golongan muda untuk menceburi diri secara aktif dalam bidang muzik. Bengkel ini juga berjaya membuktikan bahawa komposer yang diperkenalkan telah membina satu ruangan yang besar untuk pesada muzik tempatan. Golongan muda perlu lahirkan tekad untuk mengisikan ruangan ini dengan kreativiti berasaskan budaya masing-masing supaya industri muzik tempatan dapat dikembangkan pada zaman yang akan datang.


Dilaporkan oleh: Koh How Earn

PROJEK RAKAN MUZIK KOMUNITI (M.A.M.E.) NAK BELAJAR MUZIK? JOM!

Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia (MAME) Baru telah mengadakan bengkel muzik bertajuk Nak Belajar Muzik? Jom! pada 30 Julai, 6 Ogos dan 9 September 2023. Penceramah bagi bengkel ini ialah Pn Ong Bee Bee, guru muzik Sekolah Kebangsaan Seksyen 13, Shah Alam.

Bengkel dimulakan dengan persoalan mengapa kita perlu belajar muzik? Penceramah menerangkan bahawa muzik boleh membantu perkembangan bahasa. Menerusi kajian telah membuktikan bahawa muzik berjaya meningkatkan kadar celik huruf dalam kalangan kanak-kanak melalui lagu kanak-kanak untuk mengenal bunyi huruf dan mengenal perkataan. Selain itu, muzik juga untuk kesejahteraan dan kesihatan, memupuk nilai-nilai murni, menyatukan masyarakat dan dapat melahirkan belia yang holistik beridentitikan bangsa Malaysia.

Rajah 1: Antara faedah mempelajari muzik



Muzik adalah satu cabang seni dan juga sains yang menggabungkan bunyi-bunyi vokal atau instrumental termasuk bunyi-bunyi semulajadi dan persekitaran atau rekaan dengan satu cara yang dianggap memuaskan mengikut estetika, corak pemikiran dan emosi manusia yang juga boleh mencerminkan sesuatu budaya tertentu.

Cara belajar muzik adalah secara formal dan tidak formal. Belajar secara formal adalah mempelajari muzik lagu Klasik, mempelajari teori dan amali antaranya seperti ABRSM dan lain-lain kolej muzik, memerlukan perbelanjaan yang agak mahal dan mengambil tempoh yang panjang. Manakala belajar secara tidak formal hanya melalui pendengaran, pemerhatian dan peniruan (*Imitate*).

Pendidikan muzik formal boleh juga diikuti di peringkat sekolah rendah. Manakala mengikuti program muzik peringkat sekolah menengah boleh diikuti di Sekolah Seni Malaysia (SSeM) Johor Bharu, Johor; SSeM Kuching, Sarawak, SSeM Kuala Lumpur, SSeM Sungai Siput, Perak; dan SSeM SMK Elopura, Sandakan, Sabah. Institut Pengajian Tinggi turut menawar program muzik boleh didapati di Universiti Teknologi MARA (UiTM); Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA); Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI); Universiti Malaysia Sabah (UMS); Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS); Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM)

Universiti swasta turut menawarkan program muzik seperti di UCSI University; Universiti Teknologi Kreatif LimkokWing; Kolej SEGi; Sunway University dan Yamaha Academy of Art and Music turut menawarkan program muzik. Kaedah mengikuti program muzik boleh dilakukan secara bersemuka (*face to face*) dan secara atas talian (*online*).

Rajah 2: Antara institusi pendidikan dan program pendidikan Muzik



Penceramah menerangkan berkaitan elemen muzik, antaranya seperti irama, merupakan gabungan pelbagai not muzik yang berbeza yang akan menghasilkan irama yang berbeza. Ini termasuk ukuran masa atau tempo pada muzik. Melodi bunyian yang berlainan akan memberi penggambaran dan idea yang tersendiri. Bentuk dalam muzik bermakna struktur sesebuah lagu, contoh bentuk AA, AABA, ABC dan sebagainya. Contoh lagu 'Rasa Sayang' ialah dalam bentuk ABAB.

Harmoni ialah gabungan dua atau lebih not yang dimainkan atau dibunyikan serentak. Tekstur pula ialah cara penggabungan melodi, rentak dan harmoni dalam sesebuah karya muzik. Tekstur juga merujuk kepada tebal atau nipis bunyi sesebuah lagu. Dinamik ialah lembut (*soft*) atau kuat (*loud*) dalam muzik, dua petunjuk *dinamik* asas dalam muzik ialah: *p* atau *piano*, bermakna "lembut" dan *f* atau *forte*, bermakna "kuat". Pic merupakan tinggi rendah sesuatu bunyi. Frasa lagu pula merupakan gabungan beberapa rangkaian *pic*.


Rajah 3: Antara elemen muzik yang diperkenalkan dalam bengkel



Not	Nama Not	Nilai	Sebutan
	Krocet	1	ta
	Kuaver	$\frac{1}{2} + \frac{1}{2}$	ti-ti
	Tandarehat Krocet	1	sa

Kemuncak perbincangan bengkel ini melibatkan aktiviti menjawab soalan kuiz, yang mana penceramah mengutarakan beberapa soalan yang melibatkan kandungan ceramah yang telah diberikan kepada peserta. Soalan berbentuk objektif dan juga subjektif dikemukakan bagi mendapat maklum balas dan mengetahui sejauh mana kefahaman peserta terhadap input yang telah diberikan.

Rajah 4: Kuiz yang dilaksanakan menerusi aplikasi Kahoot



Kesimpulannya, pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Dilaporkan oleh: Amir Hamzah Nordin

PROJEK RAKAN MUZIK KOMUNITI (M.A.M.E.) JELAJAH MUZIK DALAM BUDAYA

SEMUA YANG BERUMUR 13 - 30 TAHUN
JOM SERTAI !!!!

**JELAJAH MUZIK
DALAM BUDAYA**

SABTU
12 Ogos 2023
8PM-10PM

Penceramah
Prof. Madya Dr. Clare Chan Suet Ching
Jabatan Muzik, Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia.

HUBUNGI KAMI:
mamebaru2016@gmail.com

IMBAS KOD QR UNTUK ISI BORANG PENYERTAAN
JOM DAFTAR SEKARANG!
*MOHON PILIH SABAH DALAM BORANG

Dibawa oleh: MAME@ | JBSN | www.jbsn.gov.my | f @ y t i jbsnegera

SEMUA YANG BERUMUR 13 - 30 TAHUN
JOM SERTAI !!!!

**JELAJAH MUZIK
DALAM BUDAYA**

AHAD
20 Ogos 2023
8PM-10PM

Penceramah
Prof. Madya Dr. Clare Chan Suet Ching
Jabatan Muzik, Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia.

HUBUNGI KAMI:
mamebaru2016@gmail.com

IMBAS KOD QR UNTUK ISI BORANG PENYERTAAN
JOM DAFTAR SEKARANG!
*MOHON PILIH SABAH DALAM BORANG


Dibawa oleh: MAME@ | JBSN | www.jbsn.gov.my | f @ y t i jbsnegera

Sesi Jelajah Muzik Dalam Budaya ini telah dijalankan sebanyak empat kali iaitu pada 12 Ogos, 20 Ogos, 30 September dan 14 Oktober 2023. Bengkel ini telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Clare Chan Suet Ching.

Kepelbagaian dan kekayaan muzik dari pelbagai budaya yang berbeza dapat menggalakkan kita untuk meneroka muzik baharu dan tidak dikenali. Kepentingan meneroka serta memahami muzik dalam konteks budaya dapat mempengaruhi makna dan kepentingan muzik dalam masyarakat tertentu.

Sesi bengkel ini membincangkan peranan muzik dalam masyarakat moden dan potensi serta manfaatnya dalam melegakan tekanan, serta kepentingan memelihara dan menyesuaikan tradisi yang sah berkaitan muzik. Asas budaya sesuatu muzik mungkin tidak difahami secara universal, oleh itu, budaya memainkan peranan penting dalam membentuk pilihan muzik. Tiada pendekatan yang sesuai untuk memahami dan menikmati muzik. Penceramah menggalakkan peserta untuk membuka minda menerima muzik baharu yang tidak diketahui agar mendapatkan menghargai kepelbagaian muzik yang terdapat disemerata dunia.

Rajah 1: Antara muzik yang diperkenalkan dari pelbagai negara



**HAWAII '78 OLEH
MAKAHA SONS OF
NI'IIHAU**

Asalnya digubah oleh Makaha Sons of Ni'ihau 1978, dengan ahli asal Makaha Sons of Ni'ihau, Israel "IZ" Kamakawiwo'ole merakam nyanyiannya sendiri pada tahun 1993. Ditulis dalam kemuncak kebangkitan Hawaii, lagu ini menolak gentrifikasi di Hawai'i dengan merenung Monarki Hawaii kita.

**K-DRAMA
HWANGINI**





**VANUATU:
MUZIK
UNTUK
HIBURAN**

Video of Le Lagon String Band that play at Weddings in Vanuatu
<https://www.youtube.com/watch?v=EUAGK9VJMIY>

Antara yang menarik dalam sesi perbincangan pada ini ialah, penceramah ada menyelidiki kepentingan muzik dalam budaya yang berbeza dan peralihan dari cara ekspresi tradisional ke moden. Penceramah mengakui muzik bukan sahaja mampu untuk seseorang meluahkan emosi dan menyampaikan mesej, tetapi juga menyatakan bahawa pentingnya untuk menggunakan cara ini secara bertanggungjawab dan terhormat. Beliau menggunakan contoh muzik protes untuk menggambarkan maksudnya, dengan menyatakan bahawa walaupun penting untuk menyatakan perbezaan pendapat dan mencabar kuasa, ia turut sama pentingnya untuk melakukannya dengan cara yang menghormati dan tidak menghasut keganasan atau kebencian. Penceramah juga mencadangkan bahawa mencipta muzik yang mudah difahami dan boleh diakses oleh semua orang agar boleh membantu merapatkan jurang dan menyatukan orang ramai.

Kesimpulannya, budaya memainkan peranan penting dalam membentuk pilihan muzik. Jelajah muzik menerusi budaya sebenarnya menggalakkan kita lebih menghormati dan menghargai nilai tradisi budaya yang berbeza dan menggalakkan pemeliharaan tradisi ini untuk generasi akan datang.

Dilaporkan oleh: Maria binti Mohd Hatar

PROJEK RAKAN MUZIK KOMUNITI (M.A.M.E.) KERJAYA MUZIK: SIAPA YANG TAHU?

RAKAN MUDA RAKAN MUZIK

MAME

**SEMUA YANG BERUMUR 13 - 30 TAHUN
JOM SERTAI !!!!**

**KERJAYA MUZIK,
SIAPA YANG TAHU?!**

**AHAD
10 SEPTEMBER
2023
4PM-6PM**

**Penceramah
Dr. Salasiah Abbas
Penasihat Zai Music World (ZMW)
Melaka**

**Jemputan
Datuk Zainal Abu Bakar
Presiden Persatuan Karyawan
Melaka & Artist Management**

**Jemputan
Hairul Asraf Abu Hussain
Pengarah Legasi Nyonya Tan &
Penganjur Seni**

**HUBUNGI KAMI:
mamebaru2018@gmail.com**

IMBAS KOD QR UNTUK ISI BORANG PENYERTAAN
JOM DAFTAR SEKARANG!
*MOHON PILIH LABUAN DALAM BORANG

Dibawa oleh: **MAME** **JBSN** **ibnegera**

www.ibn.gov.my | f | @ | t | v | i | b | n | e | g | e | r | a

RAKAN MUDA RAKAN MUZIK

**SEMUA YANG BERUMUR 13 - 30 TAHUN
JOM SERTAI !!!!**

**Kerjaya Muzik,
Siapa Yang Tahu?!**

PENCERAMAH : DR. SALASIAH ABBAS

**(AHAD) 13 8 - 10pm (WP KL/CBJ/PTJ)
<https://shorturl.at/wc3UV>**

BAGIAN 1 - CAN MUSIC BE A CAREER?
- MUSICIANS AND PERFORMERS
- MUSIC PRODUCTION
- MEDICAL
- TEACHING AND EDUCATION

BAGIAN 2 - WHAT KIND OF CAREER DO YOU WANT TO PURSUE IN MUSIC?
- PERFORMING FIELD
- CREATIVE FIELD
- TECHNICAL FIELD
- COMMERCIAL FIELD
- EDUCATION FIELD

BAGIAN 3 - MODERN & TRADITIONAL MUSIC SUCCESS
- YOUR INSPIRATIONS

BAGIAN 4 - DASAR KEBUDAYAAN NEGARA (DAKEN)
- BIDANG FOKUS SENI, BUDAYA, WARISAN, SENI, MEDIA
DIGITAL & PENCiptaan

BAGIAN 5 - JOBS FOR MUSIC LOVER
- ARTISTIC & BEYOND!

BAGIAN 6 - THINGS YOU NEED TO KNOW TO START YOUR MUSIC CAREER
- MUSIC AS A STEADY INCOME TO MAKE A LIVING
- PLANNING & GOAL SETTING

**HUBUNGI KAMI:
mamebaru2018@gmail.com**

IMBAS KOD QR UNTUK ISI BORANG PENYERTAAN
JOM DAFTAR SEKARANG!

Dibawa oleh: **MAME** **JBSN** **ibnegera**

www.ibn.gov.my | f | @ | t | v | i | b | n | e | g | e | r | a

Sesi Rakan Muzik “Kerjaya Muzik: Siapa yang tahu?” dijalankan sebanyak tiga kali pada 13 Ogos, 10 September dan 14 Oktober 2023 oleh Dr. Salasiah binti Abbas. Dr. Salasiah merupakan penasihat kepada ZMW Music School, Melaka dan juga presiden Persatuan Seni Muzik ZMW (PSMZW). Beliau mempunyai pengalaman sebanyak 25 tahun dalam bidang Pengurusan, Kelestarian dan Pembangunan Bakat.

Bengkel ini bermula dengan renungan sama ada muzik boleh dijadikan sebuah kerjaya. Dr. Salasiah berkongsi yang terdapat lima bidang utama kerja muzik, antaranya bidang persembahan yang termasuk kerjaya seperti penyanyi, penghibur, ahli orkestra, konduktor, pengacara majlis (DJ) dan lain-lain. Kedua, bidang kreatif yang termasuk penulisan lagu komersial dan gubahan lagu. Ketiga, bidang teknikal yang mengandungi kerjaya-kerjaya seperti terapi muzik, jurutera bunyi, pengadun bunyi, penulis skor atau penterjemah skor, pencahayaan dan sebagainya.


Tidak juga lupa kepada bidang pendidikan, dimana kerjaya boleh dibentuk sebagai seorang guru muzik, guru instrumen, guru muzik prasekolah, guru teknologi muzik, guru muzik untuk kanak-kanak istimewa, dan sebagainya. Akhir sekali, bidang komersil yang mengandungi semua aspek penerbitan lagu oleh seorang artis.

Seterusnya, Dr. Salasiah berkongsi maklumat beberapa orang Malaysia yang telah mengharumkan nama negara kita di persada antarabangsa dalam kerjaya muzik, antaranya Datuk Seri Siti Nurhaliza; Yew Ping Soo, seorang penerbit, jurutera bunyi dan muzik untuk

filem-filem Hollywood terkenal seperti Star Wars, Lion King dan X-Men; dan Alvin Wee, penerbit, pengadun dan pemuzik yang telah memenangi pelbagai anugerah.

Dr. Salasiah juga menerangkan yang sumber pendapatan dalam kerjaya muzik boleh didapati daripada pelbagai sumber. Sebagai contoh, Graham Cochrane, seorang penerbit muzik, jurutera bunyi dan usahawan telah melancarkan blog muzik pada tahun 2009 dan kini menjana USD160,000 sebulan sebagai pendapatan pasif. Kerjaya muzik juga boleh menjana pendapatan aktif yang stabil, contohnya seorang ahli terapi muzik di Malaysia boleh mendapat pendapatan sebanyak RM45,000 hingga RM75,000 setahun. Seorang penerbit muzik di Malaysia juga mampu mendapat pendapatan sebanyak RM65,000 hingga RM105,000 setahun.

Rajah 1: Antara slide berkaitan kerjaya muzik yang diterangkan di dalam bengkel



Sepanjang perkongsian ini, Dr. Salasiah juga memperkenalkan pelbagai individu dan kumpulan yang telah membina sebuah kerjaya yang berjaya dalam bidang Muzik. Antaranya Sandra Chia Mei Teng, Lim Kar Gee, Lisa Summer, Joe Fizzow, Kendrick Lamar, Zaini Abbas, Ryan Cullen, Yuna, Shila Amzah, Justin Bieber, Ariana Grande, BTS, Twice dan Jerry Kamit.

Dr. Salasiah berharap perkongsian kisah-kisah kejayaan individu dalam kerjaya muzik dari dalam dan luar negara mampu memberi inspirasi kepada peserta untuk menerokai dan menyertai bidang muzik yang sungguh pelbagai dan menarik ini. Bengkel ini diakhiri dengan sesi soal jawab dan perkongsian tentang Dasar Kebudayaan Negara 2021.

Menurut Dr. Salasiah, terdapat pelbagai pilihan pekerjaan dalam industri muzik dan kesemuanya boleh memberikan ganjaran yang sangat baik. Tetapi, ini bukan industri yang paling mudah untuk diusahakan. Memilih bahagian mana dalam industri ini yang paling sesuai untuk seseorang boleh menjadi sukar. Tempat terbaik untuk bermula ialah dengan mengenalpasti minat dan kekuatan anda, dan mencari pekerjaan mana dalam industri muzik yang paling sesuai dengan set kemahiran dan minat seseorang individu.



Dr. Salasiah mengingatkan para peserta supaya jangan takut untuk mengambil masa untuk menerokai dan memahami laluan kerjaya sendiri dan mengingatkan bahawa tiada sesuatu yang berlaku dengan serta-merta. Kejayaan sebenar, dibina secara perlahan-lahan, dan dengan kesabaran dan keazaman, setiap orang akan mampu mencapainya.

Dilaporkan oleh: Yew Zhi Yong

PROJEK RAKAN MUZIK KOMUNITI (M.A.M.E.) JAMBOREE LAGU RAKYAT MALAYSIA

Sesi ‘Jamboree Lagu Rakyat Malaysia’ telah dijalankan sebanyak tiga kali pada tarikh 19 Ogos, 23 September, dan 29 Oktober 2023. Sesi ini telah disampaikan oleh Cik Josephine Ang bersama rakannya Cik Kymberly Chong dan telah dikendalikan oleh YM Raja Nadiah pada bahagian teknikal. Setiap sesi ini telah berlangsung selama dua jam secara atas talian dengan menggunakan aplikasi *Zoom*.

Rajah 1: Antara slide yang ditayangkan



Pada permulaan sesi ini, peserta-peserta dialu-alukan dengan aktiviti muzikal nyanyian bersama-sama lagu rakyat yang berjudul ‘Trek Tek Tek’. Nyanyian lagu ini telah diiringi dengan alat muzik ukulele yang telah dimainkan oleh Cik Kymberly. Peserta-peserta terasa

teruja dengan melihat persembahan sebegini pada permulaan sesi ini. Mereka juga telah diberi peluang untuk membuka mic dan nyanyi bersama-sama.

Sesi ini memerlukan setiap peserta untuk mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti-aktivitinya kerana terdapat aktiviti muzikal seperti menyanyi dan menari bersama-sama. Peserta-peserta telah diminta untuk menyediakan apa sahaja alat muzik yang mereka ada ataupun mereka diberi pilihan untuk menggunakan aplikasi muzik yang dapat dimuat turun ke telefon pintar mereka sekiranya mereka tidak mempunyai sebarang alat muzik untuk aktiviti seterusnya.

Apa yang menarik dalam sesi ini ialah kedua-dua penyampai telah berkongsi ciri-ciri lagu rakyat. Ilmu ini sangat penting dan perlu disebarluaskan untuk pengetahuan semua supaya lagu rakyat tidak hilang ditelan zaman. Sepertimana yang kita tahu, pada zaman dahulu lagu-lagu rakyat diturunkan secara lisan. Menjelang abad ke-21 penurunan lagu-lagu rakyat seharusnya lebih giat diwariskan kepada generasi sekarang dan akan datang secara tulisan dan amali sepertimana dalam bengkel muzik yang diadakan ini.

Rajah 2: Ciri-ciri lagu rakyat Malaysia



The screenshot shows a Zoom meeting interface. At the top, there is a recording indicator and a notification: "A participant has enabled Closed Captioning. Who can see this transcript?". The main content is a slide with a blue header on the left that says "TAHUKAH ANDA?" with a lightbulb icon. The title of the slide is "Ciri-ciri Lagu Rakyat Malaysia". Below the title is a list of five bullet points:

- Irama dan lagu yang dihasilkan atau dicipta secara spontan oleh golongan masyarakat
- Diwarisi secara turun temurun (tradisi lisan)
- Berasal dari kawasan Nusantara (Kepulauan Melayu) - Malaysia, Singapura, Brunei, Indonesia
- Menceritakan perihal masyarakat, alam, haiwan, tumbuh-tumbuhan ataupun scenario semasa di kawasan tersebut
- Biasanya dinyanyikan semasa bermain, mendodoikan anak, hiburan setelah penat membanting tulang dan juga semasa majlis-majlis keramaian

On the right side of the screen, there is a vertical list of participants with their names and profile pictures:

- Kimberly Chong
- MRMEG
- RAKAN MALAYSIAN ASSOCIATION
- Amirah Zurani
- Amirah Zurani
- Josephine Ang
- muhammad nazhan
- NUR JANNAH
- NUR JANNAH
- BEE BEE ONG

At the bottom right, there is a Windows watermark: "Activate Windows. Go to Settings to activate Windows."

Aktiviti seterusnya telah sambung dengan nyanyian lagu 'Bangau oh Bangau'. Lagu ini telah mendapat sambutan yang sangat aktif dan meriah dari semua peserta kerana lagu ini merupakan salah satu lagu rakyat yang terkenal dan dinyanyikan ketika di sekolah rendah.

Satu lagi isi yang menarik dalam slot ini ialah berkenaan ciptaan pantun. Peserta-peserta telah diminta untuk menganalisis sebuah lagu yang berbentuk pantun. Mereka juga telah diberi

peluang untuk mencipta ‘maksud’ baharu kepada ‘pembayang’ dalam pantun tersebut. Sesi ini telah berjaya menarik minat ramai peserta dan memberi ruang kepada peserta menonjolkan bakat mereka.

Seterusnya, aktiviti nyanyian “Di Sini Senang” telah dijalankan di mana konsep kord dalam lagu telah diperkenalkan kepada semua peserta. Mereka dikehendaki untuk memainkan kord lagu ini dengan menggunakan alat muzik ataupun aplikasi muzik yang mereka ada.

Sesi ini telah menjadi lebih menarik dengan nyanyian bersama lagu “Puteri Santubong” yang berasal dari negeri Sarawak. Penyampai telah kongsikan sejarah berkenaan lagu ini kepada semua peserta. Aktiviti kemudian diteruskan dengan nyanyian lagu terkenal “Suriram”. Lagu ini kerap digunakan oleh ahli-ahli Pengakap dalam aktiviti badan beruniform mereka. Ternyata lagu ini tidak akan kehilangan dari budaya kita.

Seterusnya sesi tarian “Jinkli Nona” diadakan bersama-sama secara atas talian. Peserta-peserta sangat seronok dan teruja dengan aktiviti ini. Terdapat peserta yang telah menari bersama adik-beradik mereka kerana tarian ini memerlukan peserta menari secara berpasangan.

Sesi diakhiri dengan soal jawab dan sesi bergambar. Peserta juga diminta untuk mengisi borang soal selidik berkenaan sesi ini bagi memastikan pihak penganjur dan penceramah dapat memperbaiki program seperti ini pada masa akan datang.

Secara keseluruhan, sesi ini mendapat sambutan yang memberangsangkan terutamanya bagi peserta-peserta dari negeri Perak. Kedua-dua penceramah sangat fasih dalam topik yang disampaikan membuatkan sesi ini sangat menarik. Selain penyertaan daripada golongan belia, terdapat juga peserta yang merupakan guru-guru sekolah rendah dan sekolah menengah. Sesi ini diharapkan dapat dijalankan bagi guru-guru untuk menambah ilmu yang dapat digunakan di sekolah bersama murid-murid. Semoga sesi ini telah memberi manfaat kepada semua peserta pada ketiga-tiga sesi yang telah dijalankan. Diharapkan juga sesi seperti ini dapat dijalankan pada masa-masa akan datang bagi memastikan lagu-lagu rakyat terus dapat diturunkan bagi mengekalkan tradisi muzik rakyat Malaysia.

Dilaporkan oleh: YM Raja Nadiah bt. Raja Zaharuddin Shah

PROJEK RAKAN MUZIK KOMUNITI (M.A.M.E.) SERLAHKAN BAKAT DALAM CIPTAAN LIRIK DAN MUZIK

SEMUA YANG BERUMUR 13 - 30 TAHUN
JOM SERTAI !!!!

Serlahkan Bakat dalam Ciptaan Lirik dan Muzik

PENCERAMAH : MUHAMAD AMIRUL ABD HAMID & PENULIS LIRIK JEMPUTAN

[SABTU] 19 Ogos | 8 - 10pm (Johor) | <https://shorturl.at/gnuz0>

[AHAD] 24 SEPTEMBER | 8- 10pm (Melaka) | <https://shorturl.at/jUW26>

[SABTU] 30 SEPTEMBER | 8 - 10pm (Negeri Sembilan) | <https://shorturl.at/sMY3>

PENGENALAN PENULISAN LAGU (SONGWRITING)

Kandungan:

- TERMA ASAS MUZIK
- KEMAHIRAN ASAS PRA-PRODUKSI
- APLIKASI PENULISAN LAGU
- TIPS TAMBAHAN DARI PENULIS LAGU JEMPUTAN

HUBUNGI KAMI!
mamebaru2016@gmail.com

IMBAS KOD QR UNTUK ISI BORANG PENYERTAAN
JOM DAFTAR SEKARANG!

SEMUA YANG BERUMUR 13 - 30 TAHUN
JOM SERTAI !!!!

SERLAHKAN BAKAT DALAM CIPTAAN LIRIK & MUZIK

Penceramah:
En. Muhamad Amirul Abd Hamid bersama komposer jemputan

SABTU
21 OKTOBER 2023
8PM - 10PM

HUBUNGI KAMI!
mamebaru2016@gmail.com

IMBAS KOD QR UNTUK ISI BORANG PENYERTAAN
JOM DAFTAR SEKARANG!

***MOHON PILIH NEGERI NEGERI SEMBILAN DALAM BORANG**

Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia (MAME) Baru dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) telah menganjurkan bengkel muzik bertajuk Serlahkan Bakat dalam Ciptaan Lirik dan Muzik yang telah berlangsung secara atas talian melalui aplikasi Zoom bagi belia negeri Johor dan Melaka pada 19 Ogos 2023, 30 September, 2023 dan 21 Oktober, 2023.

Sesi perkongsian ini telah disampaikan oleh Encik Muhammad Amirul atau Cikgu Amirul yang merupakan seorang guru muzik tadika dan mempunyai latar belakang menggubah muzik. Beliau juga membuat transkripsi muzik dan mencipta lagu untuk sekolah. Pembentangan Cikgu Amirul berfokus pada pengenalan penulisan lagu (*songwriting*) menerusi elemen lirik, melodi dan harmoni serta kod. Seorang pencipta lagu, Elvine Ng juga turut serta di dalam sesi ini dan berkongsi dalam mencipta lagu dan lirik.

Empat objektif yang ingin dicapai oleh Cikgu Amirul dalam ceramah beliau termasuklah:

- Memahami ciptaan lirik dan lagu dalam muzik
- Meneroka asas mencipta lirik dan lagu
- Berkongsi proses mencipta lirik dan lagu
- Berkongsi pendapat daripada pencipta lagu

Menurut En Amirul, seorang penulis lirik dan lagu perlu mempunyai kemahiran mendengar muzik dengan baik serta mempunyai imaginasi yang tinggi. Cara mengasah




kemahiran mendengar adalah dengan memperbanyakkan mendengar lagu dan cuba untuk meniru apa yang didengar. Pencipta lagu perlu biasakan mendengar kord dari satu instrument terlebih dahulu (seperti piano, gitar dan sebagainya). Pencipta lagu yang berkemahiran bermain alat muzik dan menguasai ilmu teori muzik dapat membantu dalam proses penulisan lagu. Menurut beliau, tiada istilah ‘salah’ dalam penulisan lagu, hanya perlu tahu tujuan sesebuah lagu ditulis dan suaikan dengan sasaran pendengar. Bagi menghasilkan sesebuah lagu yang baik, terdapat beberapa kriteria yang perlu ditekankan oleh seseorang pencipta, antaranya:

- Mengikuti perasaan lagu dan lirik
- Lirik perlu boleh difahami oleh pendengar
- Pemilihan alat muzik yang sesuai dengan gubahan
- Julat suara yang digunakan
- Bentuk muzik (*musical form*) - harus ada *verse*, *chorus*, *bridge*
- Mesej yang hendak disampaikan
- Lagu yang dihasilkan mengikut kumpulan sasaran

Rajah 1: Kemahiran Asas dalam Mengubah Lagu



Rajah 2: Not mengikut suku kata

1	Hanyalah satu		A
2	Di mana dia anak kambing saya		B
3	Oh ho ho balik kampung		C

Rajah 3: En. Muhammad Amirul Abd Hamid (kiri) bersama Elvine Ng Nyuk Vui



Seterusnya, penceramah jemputan iaitu En. Elvine Ng Nyuk Vui, yang berasal dari Keningau, Sabah telah berkongsi pengalaman beliau sebagai seorang penulis lagu. Beliau bekerja di Yamaha Music Malaysia, Klang. Bidang kepakaran En. Elvine ialah komposisi, penulisan lagu dan penerbitan muzik. Berdasarkan pengalaman beliau, proses penulisan lagu bermula dengan menulis lirik dahulu, dan kemudiannya melodi.

Beliau juga mengatakan bahawa penghasilan karya melalui inspirasi harus berkaitan dengan genre lagu yang dipilih. Gaya dan identiti lagu juga memainkan peranan penting bagi seorang penulis lagu. Kebanyakan lagu yang diciptaan oleh En. Elvine ialah lagu dalam genre ballad dan juga pop. Menurut beliau, selepas sesebuah lagu siap ditulis, proses produksi dan pasca-produksi dijalankan dengan berbincang bersama penerbit lagu mengenai platform digital yang sesuai digunakan. Kemahiran penggunaan platform digital dapat membantu kelancaran sesebuah karya muzik yang dihasilkan. Menurut beliau, sepanjang penglibatan mencipta lagu, beliau telah menerima banyak komen dari pendengar, rakan-rakan dan pelbagai pihak yang telah memberi semangat dan sokongan kepada beliau untuk terus menghasilkan lebih banyak karya.

Rajah 4: En. Raja Omar Imran dan En. Muhammad Kamal Irfan

Jemputan Khas

<p>Nama: Raja Omar Imran</p> <p>Asal: Kuala Nerus, Terengganu</p> <p>Kerjaya: Studio Engineer @ inteam records</p> <p>Latar belakang dalam penulisan lagu: Salah seorang anggota Nirnama Musik, penggubah lagu teratas - mateen Yaacob dan CintaMu - Amer bin Yusoff</p>	<p>Nama: Muhammad Kamal Irfan</p> <p>Asal: Sijangkang, Selangor</p> <p>Kerjaya: Songwriter/Sessionist @ Musicwerks Studio</p> <p>Latar belakang dalam penulisan lagu: Salah seorang anggota Nirnama Musik, pencipta lagu Is It True - Amira Othman & Afiq Adnan dan Tambah Satu Lagi - Nidza Atham</p>
--	--

Pada sesi seterusnya, dua lagi jempunan khas yang merupakan anggota Nirnama Musik iaitu En. Raja Omar Imran bin Raja Shaifulzaman (penggubah lagu) dan En. Muhammad Kamal Irfan bin Kamarolzaman (pencipta lagu). Mereka telah berkongsi pengalaman dan penglibatan mereka dalam industri muzik di Malaysia. Menurut mereka, proses penulisan lagu bermula dengan penulisan lirik dahulu, seterusnya memasukkan melodi dan kord. Menurut mereka lagi, terdapat pelbagai aplikasi digital yang boleh digunakan oleh seseorang pencipta lagu bagi memudahkan mereka melahirkan sesebuah karya muzik. Kemahiran menggunakan aplikasi digital ini merupakan salah satu faktor penting dalam menjayakan sesebuah penghasilan karya lagu.

Rajah 5: Pelbagai aplikasi digital yang boleh digunakan dalam mencipta lagu



Perkongsian maklumat dalam bengkel ini telah memberi banyak input dan inspirasi kepada pendengar berkaitan penciptaan lagu sejajar dengan empat objektif yang telah dikemukakan oleh En. Amirul. Ceramah daripada En. Amirul beserta tiga orang jempunan khas telah berjaya memberi maklumat yang sangat relevan dan berguna berkaitan proses pra sehingga pasca produksi penghasilan sesebuah lagu.

Dilaporkan oleh: Christine Augustine

PROJEK RAKAN MUZIK KOMUNITI (M.A.M.E.) JAMMING X BODY PERCUSSION

SEMUA YANG BERUMUR 13 - 30 TAHUN
JOM SERTA !!!!

**JAMMING
X
BODY PERCUSSION**

Penceramah:
Pn. Susanna Saw San San

AHAD
10 SEPTEMBER 2023
8PM-10PM

HUBUNGI KAMI:
mamebaru2016@gmail.com

IMBAS KOD QR UNTUK ISI BORANG PENYERTAAN
JOM DAFTAR SEKARANG!
*MOHON PILIH KELANTAN DALAM BORANG

Dibawa oleh: MAME@ JBSN www.jbsn.gov.my | @jbsnegera

SEMUA YANG BERUMUR 13 - 30 TAHUN
JOM SERTA !!!!

**JAMMING
X
BODY PERCUSSION**

Penceramah:
Pn. Susanna Saw San San

AHAD
24 SEPTEMBER 2023
4PM-6PM

HUBUNGI KAMI:
mamebaru2016@gmail.com

IMBAS KOD QR UNTUK ISI BORANG PENYERTAAN
JOM DAFTAR SEKARANG!
*MOHON PILIH SABAH DALAM BORANG

Dibawa oleh: MAME@ JBSN www.jbsn.gov.my | @jbsnegera

Apa yang terlintas pada fikiran anda jika nampak perkataan “*body percussion*”? Semestinya aktiviti berkaitan dengan pergerakan yang melibatkan penghasilan beberapa jenis corak irama dengan menggunakan anggota badan seperti menepuk tangan, menepuk paha, memetik jari dan sebagainya.

Bengkel ‘*Jamming X Body Percussion*’ ini telah dijalankan sebanyak tiga kali iaitu pada tarikh 20 Ogos, 10 September dan 24 September 2023. Sesi ini telah disampaikan oleh Cik Susanna Saw dan telah dikendalikan secara bergilir-gilir oleh Pn. Raja Nadiyah dan En. Yew Zhi Yong pada bahagian teknikal. Setiap sesi ini telah berlangsung selama dua jam secara atas talian dengan menggunakan aplikasi Zoom.

Rajah 1: Antara maklumat yang didedahkan berkaitan *Jamming X Body Percussion*

<p>JAMMING</p> <ul style="list-style-type: none"> ➢ Membuat improvisasi ➢ Tidak ada sebarang perancangan ➢ Fokus pada ritma, rentak muzik dan tempo (kelajuan) 	<p>BODY PERCUSSION</p> <ul style="list-style-type: none"> ➢ Boleh dilakukan sendiri atau mengiringi sesuatu persembahan ➢ Muzik tradisi: Indonesia - saman, Ethiopia - armpit muzik, palmas di Flamenco, dan hambone dari Amerika ➢ Menghasilkan bunyi dari pelbagai bahagian badan
--	---

















21

Pada bengkel ini, setiap peserta perlu memastikan kamera mereka dipasang supaya penyampai dapat melihat setiap pergerakan peserta dan dapat diperbetulkan jika perlu. Setiap aktiviti dalam sesi ini memerlukan peserta untuk melibatkan diri secara aktif kerana aktiviti-aktiviti dalam bengkel ini kebanyakannya adalah secara praktikal. Penceramah telah menggunakan lagu-lagu terkini seperti lagu dari kumpulan muzik *Imagine Dragons* dan juga lagu dari kumpulan muzik *Black Pink* ketika menjalankan aktiviti bagi menarik minat peserta.

Apa yang lebih menarik dalam bengkel ini ialah tentang isinya yang sangat padat dengan memberi pendedahan terhadap pengetahuan dan penghasilan corak irama serta koordinasi tubuh badan. Corak irama diperkenalkan dengan menggunakan ikon bagi memudahkan peserta mengikuti aktiviti yang dijalankan. Secara tidak langsung, peserta dapat memahami dan mengaplikasikan pembacaan corak irama dengan melihat ikon yang dipaparkan. Peserta juga diberi peluang untuk mencipta pergerakan badan tersendiri mengikut lagu yang telah disediakan.

Rajah 2: Gambaran notasi lidi dan ikon tubuh badan bagi rujukan para peserta

Contoh				
Rentak/ Baris	1	2	3	4
A		∩	≡	
B	∩	∩	∩	Z
C	≡		≡	
D		≡	Z	

	1	2	3	4
A				
B				
C				
D				

Bengkel secara maya ini diakhiri dengan aktiviti bersoal jawab dan sesi bergambar. Peserta diminta untuk memberi maklum balas terhadap bengkel dengan mengisi borang soal selidik berkenaan sesi ini agar memastikan pihak penganjur dapat memperbaiki dan meningkatkan prestasi bengkel-bengkel yang akan diadakan pada masa akan datang.

Secara keseluruhannya, bengkel muzik ini mendapat sambutan dan galakkan yang baik. Bengkel muzik seperti ini diharapkan dapat dijalankan lagi dengan kumpulan sasaran yang berbeza seperti kepada guru-guru muzik di sekolah agar dapat membantu para guru menambah ilmu yang dapat diaplikasikan di sekolah bersama murid. Semoga bengkel yang telah dijalankan pada ketiga-tiga buah negeri yang berlainan ini dapat memberi manfaat kepada semua peserta dan meningkatkan ilmu pengetahuan terhadap Pendidikan muzik di Malaysia.

Dilaporkan oleh: YM Raja Nadiah bt. Raja Zaharuddin Shah

PROJEK RAKAN MUZIK KOMUNITI (M.A.M.E.) KENALI KOMPOSER MALAYSIA

MAME
SEMUA YANG BERUMUR 13 - 30 TAHUN
JOM SERTA !!!!

**KENALI
KOMPOSER MALAYSIA**

Penceramah:
Grace Wee Ern Huei

SABTU
7 OKTOBER 2023
8PM - 10PM

HUBUNGI KAMI:
mamebaru2016@gmail.com

IMBAS KOD QR UNTUK ISI BORANG PENYERTAAN
JOM DAFTAR SEKARANG!
Ditawaz oleh: *MOHON PILIH SARAWAK DALAM BORANG

MAME
SEMUA YANG BERUMUR 13 - 30 TAHUN
JOM SERTA !!!!

**KENALI
KOMPOSER MALAYSIA**

Penceramah:
Grace Wee Ern Huei

SABTU
21 OKTOBER 2023
4PM - 6PM

HUBUNGI KAMI:
mamebaru2016@gmail.com

IMBAS KOD QR UNTUK ISI BORANG PENYERTAAN
JOM DAFTAR SEKARANG!
Ditawaz oleh: *MOHON PILIH KEDAH DALAM BORANG

MAME telah berkolaborasi bersama Kementerian Belia & Sukan dalam melaksanakan Program Rakan Muzik dari bulan Ogos sehingga Oktober 2023. Antara topik yang telah dikongsikan adalah bertajuk Kenali Komposer Malaysia. Penceramah bagi topik ini ialah Cik Grace Wee yang merupakan seorang guru muzik di negeri Johor yang kini seorang guru besar di sebuah tadika di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Sepanjang perkongsian beliau, seramai empat orang komposer tempatan telah diperkenalkan kepada para peserta dari dua buah negeri iaitu Sarawak dan Kedah. Empat komposer yang dipilih oleh penceramah adalah Allahyarham P. Ramlee, Allahyarham Jimmy Boyle, YB Tan Sri Datuk Seri Dr Ahmad Nawab, dan Allahyarham Datuk Suhaimi Mohd Zain.

Perkongsian telah dijalankan secara dua hala di mana para peserta digalakkan untuk turut serta memberi input, pandangan serta pendapat mereka mengenai komposer-komposer yang diperkenalkan.

Sesi dimulakan dengan penceramah menjelaskan mengapa topik ini dibincangkan, kepentingan kita mengenali komposer di Malaysia dan bagaimana kita dapat mengamalkan pengetahuan ini dalam kehidupan seharian. Seterusnya, penceramah memberi pendedahan asal-usul, dan latar belakang komposer dalam bidang muzik. Banyak yang dikupaskan mengenai keempat-empat komposer yang tidak asing dalam bidang muzik di negara ini. Para


peserta juga teruja untuk berkongsi pengetahuan mereka mengenai komposer-komposer yang dinyatakan. Malah, terdapat juga pegawai-pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri yang turut mengikuti sesi yang berlangsung.

Setelah mengenali serba sedikit latar belakang komposer-komposer, para peserta bersoal jawab mengenai lagu-lagu gubahan komposer-komposer yang terkenal. Ada beberapa lagu yang para peserta tahu tetapi tidak sedar bahawa lagu tersebut adalah gubahan salah seorang komposer yang dibincangkan dalam sesi tersebut. Tiga buah lagu daripada setiap komposer diperdengarkan kepada peserta dan mereka diminta untuk menganalisis lirik dan gaya muzik yang diamalkan oleh komposer tersebut.


Sesi kemudian diakhiri dengan permainan kuiz melalui pautan Quizizz yang telah digunakan oleh penceramah untuk mengimbas kembali informasi yang telah dibincangkan.

Kesimpulannya, sesi ini telah memberi para peserta pengetahuan yang lebih mendalam mengenai beberapa orang komposer di Malaysia, dan sumbangan serta pengiktirafan yang telah diperolehi oleh komposer-komposer tersebut. Diharapkan pengenalan tajuk ini dalam kalangan belia dapat meningkatkan kesedaran para peserta untuk menghargai hasil kreatif penggiat muzik di Malaysia.


Rajah 1: Antara komposer terkenal yang diperbincangkan



Rajah 2: Aktiviti menjawab soalan kuiz melalui pautan Quizizz



Rajah 3: Antara para peserta yang menghadiri program Kenali Komposer Muzik



Dilaporkan oleh: Grace Wee

PROJEK RAKAN MUZIK KOMUNITI (M.A.M.E.) MUZIK ITU SENI, MUZIK ITU SAINS

RAKAN MUDA RAKAN MUZIK

MAME@
SEMUA YANG BERUMUR 13 - 30 TAHUN
JOM SERTAI !!!!

**MUZIK ITU SENI,
MUZIK ITU SAINS**

Penceramah:
Prof. Madya
Dr. Ahmad Rithaudin
Md Noor

**SABTU
23 SEPTEMBER 2023
8PM-10PM**

HUBUNGI KAMI!
mamebaru2016@gmail.com

IMBAS KOD QR UNTUK ISI BORANG PENYERTAAN
JOM DAFTAR SEKARANG!
*MOHON PILIH PERLIS DALAM BORANG

Dibawa oleh: **MAME@** **JBSN** www.jbsn.gov.my

MAME@

**MUZIK ITU SENI,
MUZIK ITU SAINS**


PROFESOR MADYA DR. AHMAD RITHAUDIN MD NOOR
JABATAN PENDIDIKAN SENI MUZIK
KONSERVATORI MUSIC, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

WHAT IS ART?
THE LIFE PROJECT

Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia Baru (MAME) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) telah menganjurkan bengkel muzik bertajuk Muzik Itu Seni, Muzik Itu Sains yang telah berlangsung secara atas talian pada 23 September 2023 (8:00 malam -10:00 malam) bagi negeri Perlis, 15 Oktober 2023 (4:00 petang - 06:00 petang) bagi negeri Selangor dan 28 Oktober 2023 (4:00 petang - 06:00 petang) bagi negeri Terengganu. Penceramah bagi tajuk ini ialah Profesor Madya Dr. Ahmad Rithaudin Md Noor dari Jabatan Pendidikan Seni Muzik, Konservatori Muzik, Universiti Teknologi MARA.

Dr. Ahmad Rithaudin memulakan perbincangan bengkel dengan pertanyaan Apa itu seni? Apa itu sains? Apa itu Muzik? kepada semua peserta bengkel. Beliau membincangkan bahawa seni merupakan ekspresi dari penghasilan karya melalui kemahiran kreatif dan imaginasi manusia yang selalunya dihargai kerana nilai estetik dan emosi. Sains pula ialah satu proses pengumpulan ilmu atau maklumat secara sistematik dan terbukti melalui pelbagai ujikaji dan penilaian; Manakala muzik ialah susunan bunyi mengikut masa dan tinggi rendah sesuatu bunyi yang mengekspresikan idea dan emosi melalui rentak, irama, harmoni dan warna.


Rajah 1: Skor lagu dan klip video yang menunjukkan bunyi dan muzik



Dr. Ahmad Rithaudin memberikan contoh skor muzik dan menerangkan perkaitan antara muzik dalam lagu rakyat yang sering dinyanyikan. Seterusnya, beliau bertanyakan soalan terakhir: Apakah itu bunyi? Beliau menerangkan maksud bunyi dengan menayangkan video berkaitan dengan penghasilan muzik secara saintifik yang mana bunyi terhasil melalui getaran dalam udara.


Seterusnya Dr. Ahmad Rithaudin memainkan klip video yang menunjukkan perbezaan antara bunyi dan muzik. Klip video pertama merupakan bunyi yang dihasilkan daripada alat-alat seharian; manakala klip video kedua merupakan muzik yang mempunyai pic tinggi dan rendah beserta rentak dan tempo.

Rajah 2: Video yang menunjukkan cara penghasilan bunyi daripada alat-alat muzik



Dr. Ahmad Rithaudin juga menunjukkan video penghasilan bunyi muzik daripada alat-alat muzik bertali, bras, tiup kayu (*woodwind*), dan perkusi. Penghasilan muzik dihasilkan daripada getaran dari tali, "reed", bibir, getaran pada "membrane" gendang dan juga getaran yang dihasilkan pada paluan.


Rajah 3: Perkaitan getaran yang dihasilkan melalui muzik, seni dan sains



Dr. Ahmad Rithaudin membuka perbincangan Seni Muzik atau Sains Muzik? Muzik berkait rapat dengan getaran. Beliau berpendapat bahawa muzik itu seni dan sains kerana banyak kajian yang telah dilakukan memberi indikasi perkaitan antara ketiga-tiga muzik, seni


dan sains. Satu video menarik yang beliau mainkan menunjukkan perkaitan ini dan bahawa gelombang bunyi dapat menghasilkan visual seni yang mengagumkan.

Rajah 4: Video yang menunjukkan perkaitan antara matematik dan muzik



Dr. Ahmad Rithaudin juga menunjukkan perkaitan antara Matematik dengan Muzik. Penghasilan bunyi dan frekuensi bergantung kepada ketebalan tali dan juga panjang pendek tali gitar menurut video yang ditunjukkan.

Rajah 5: Perbincangan ringkas mengenai perkaitan Sains Muzik dalam Islam



Dr. Ahmad Rithaudin juga membincangkan secara ringkas mengenai sejarah Sains Muzik dan Islam dan juga faedah muzik dalam kesihatan menurut Ibn Sina. Beberapa persoalan dikemukakan berkaitan penggunaan muzik dalam perjumpaan sosial; perbezaan julat suara dan genre muzik; perkaitan seni muzik dengan seni visual (memberikan contoh muzik impresionism dengan lukisan pada zaman itu); cara merangsang kreativiti murid dengan penggunaan gambar yang menarik; persoalan mengenai 'perfect pitch'; perkaitan muzik dengan budaya setempat dan cara untuk meningkatkan citarasa dan apresiasi seni muzik di kalangan masyarakat dan perbincangan mengenai muzik yang berkualiti.

Secara kesimpulan, muzik itu memang Seni dan muzik itu memang Sains. Satu perkongsian ilmu yang sangat menarik dan bermanfaat di antara peserta bengkel dan Dr. Ahmad Rithaudin. Dr Ahmad Rithaudin memberi jawapan dan penjelasan yang sangat mendalam dan perkongsian ilmiah kepada persoalan-persoalan peserta bengkel.

Dilaporkan oleh: Yeow Su En

PROJEK RAKAN MUZIK KOMUNITI (M.A.M.E.) IKON MUZIK MALAYSIA

RAKAN MUDA RAKAN MUZIK

MAME
MALAYSIAN ASSOCIATION FOR MUSIC EDUCATION

**SEMUA YANG BERUMUR 13-30 TAHUN
JOM SERTA!**

Ikon Muzik Malaysia

Ahad, 15 Oktober 2023
8:00 pm - 10:00 pm
Penceramah: Dr. Fauzila Binti Abdul Latif

Hubungi kami: mamebaru2016@gmail.com

***MOHON PILIH NEGERI PERAK DALAM BORANG**

Dibawa oleh: **MAME**, **JBSN**

www.jbsn.gov.my | jbsnegera

Imbas kod QR untuk mendaftar!


IKON MUZIK MALAYSIA

Dr. Fauzila binti Abdul Latif
15, 21, 22 Oktober 2023

slido

Apa yang anda faham tentang tajuk Ikon Muzik Malaysia?

Click Present with Slido or install our Chrome extension to activate this poll while presenting.



Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia Baru (MAME) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) telah menganjurkan bengkel muzik bertajuk Ikon Muzik Malaysia yang telah berlangsung pada tanggal 15 Oktober 2023 bagi belia negeri Perak, 21 Oktober bagi belia negeri Labuan, dan pada 22 Oktober 2023 bagi belia negeri Selangor. Bengkel muzik ini telah disampaikan oleh Dr. Fauzila binti Abdul Latif secara maya menerusi aplikasi Zoom pada jam 8:00 malam sehingga 10:00 malam.

Perisian bengkel Ikon Muzik Malaysia melibatkan ceramah dan perbincangan berkaitan beberapa penggiat seni muzik tanah air yang banyak memberi sumbangan terhadap perkembangan dan peningkatan industri seni muzik tanah air. Antara penggiat seni muzik tersebut termasuklah Arwahyarham Rahim Jantan, Arwahyarham Fadhil Ahmad, Arwahyarham Suhaimi Mohd Zain (Pak Ngah), Dato Mohamad Nasir Mohamed (M. Nasir), Faizal Tahir dan Datuk Syafinaz Selamat.

Ceramah dimulakan dengan aktiviti sumbang saran (*brain storming*) yang mana semua peserta yang hadir diminta memberi definisi Ikon dalam konteks muzik di Malaysia. Setelah itu penceramah menerangkan satu persatu penggiat seni muzik dari segi latar belakang, kemahiran, sumbangan dan anugerah yang diterima oleh setiap penggiat seni yang dipilih. Penceramah juga menayangkan video bagi setiap artis yang dipilih dengan mengulas setiap karya yang dipilih termasuklah mendapatkan maklum balas daripada peserta berkaitan lagu yang diperdengarkan.


Rajah 1: Antara penggiat seni muzik tanah air yang diperbincangkan



RAHIM JANTAN

Allahyarham merupakan seorang penyanyi dan pemuzik Malaysia, yang dikenali sebagai pelopor muzik tradisional Melayu pada era 1960-an. Pada tahun 1969 di usia 22 tahun, Rahim dinobatkan sebagai Johan Bintang Lagu Melayu Asli Kebangsaan kawasan selatan. Antara lagu beliau seperti 'Kasih Berpadu' dan 'Jangan Lupakan Daku'.

Pada tahun 1980, beliau dinobatkan sebagai Juara Kebangsaan Dendang Rakyat. Beliau pernah bertugas dengan Jabatan Kebudayaan Negeri Melaka, Kompleks Budaya Negara, Jabatan Seni Persembahan (Tradisional) Petronas dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MBSA). Beliau telah berjaya membawa irama lagu asli ini hingga ke peringkat antarabangsa, ini terbukti apabila Rahim telah membuat persembahan di beberapa negara Eropah, Australia, Fiji dan Jepun sekitar 1990.



DATUK SYAFINAZ SELAMAT




Datuk Syafinaz binti Selamat dilahirkan pada 11 Januari 1973 merupakan seorang penyanyi Malaysia yang popular menerusi lagu 'Ingin Bersamamu'. Beliau juga terkenal sebagai penyanyi klasikal negara, dan dilihat sebagai seorang jurulatih vokal terkemuka serta juri/pengkritik dalam beberapa program nyanyian dan seni persembahan di seluruh tanah air.


The screenshot shows a Zoom meeting interface. At the top, it says "You are viewing Dr. Fauzila Abdul Latif's screen". The main area displays a grid of 12 video thumbnails of participants. On the right side, there is a list of names: Nur Qaseh Umairah, khairul Amin, Samsul HAIRUL AMIN..., and MOHAMMAD SHAZW... The bottom of the screen shows the Zoom control bar with options like Mute, Stop Video, Participants, Chat, Summary, AI Companion, New Share, Pause Share, Annotate, Remote Control, Apps, and More.

Kemuncak perbincangan melibatkan aktiviti menjawab soalan kuiz menerusi pautan Slido.com yang mana penceramah mengutarakan beberapa soalan yang melibatkan kandungan ceramah yang telah diberikan kepada peserta. Soalan berbentuk objektif dan juga subjektif dikemukakan bagi mendapat maklum balas dan mengetahui sejauh mana kefahaman peserta terhadap input yang telah diberikan. Sesi penutup bengkel ini dijalankan menerusi sesi refleksi di antara peserta dan ulasan daripada penceramah berkaitan tajuk bengkel. Pendekatan interaksi dua hala dalam bengkel ini telah mendapat sambutan yang baik dari ketiga-tiga buah negeri dan telah memberi impak positif terhadap percambahan ilmu dan perkembangan muzik di Malaysia.

Rajah 2: Antara soalan kuiz bagi mendapat maklum balas terhadap kefahaman peserta



Rajah 3: Sebahagian daripada peserta bengkel Ikon Muzik Malaysia



Dilaporkan oleh: Dr. Fauzila binti Abdul Latif

NYANYIAN DAN TARIAN INDUNG KAUM MELAYU ULU TEMBELING



Amir Hamzah bin Nordin

Nyanyian dan Tarian Indung adalah satu bentuk kesenian atau budaya ekspresif yang terdapat di Ulu Tembeling. Walaupun diberi nama Tarian Indung, ia sebenarnya adalah gabungan dua elemen seni, iaitu nyanyian dan tarian yang membentuk kepada satu perlakuan sosial yang utama dan paling penting iaitu aktiviti gotong royong yang memang sering diamalkan dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Asalnya Tarian Indung adalah salah satu cara bagi orang dahulu kala di kawasan Ulu Tembeling menikmati hiburan dalam aktiviti kerja harian mereka. Sambil berkerja mereka akan menghiburkan diri dengan bernyanyi dan berpantun. Nyanyian dan tarian Indung ini mengandungi elemen usik mengusik melalui acara berbalas-balas pantun. Dengan cara ini secara tidak langsung kerja yang melelahkan tidak akan menjadi bosan sebaliknya memberikan keseronokan.

Rajah 1: Demonstrasi nyanyian dan tarian oleh Puan Jariyah bersama anggota Pertubuhan Kebudayaan dan Kesenian Daerah Jerantut



Nyanyian dan tarian Indung adalah bentuk hiburan yang dilakukan oleh hanya kaum wanita di Ulu Tembeling semasa mereka merumput di sawah atau padi huma. Lagu-lagu yang dinyanyikan mempunyai pelbagai mud yang menyentuh perasaan gembira, sedih, marah dan sebagainya, selain itu liriknya turut dikaitkan dengan alam flora dan fauna setempat.

Tarian Indung dimulakan oleh penyanyi utama yang berada di tengah-tengah dikelilingi oleh penyanyi-penyanyi lain dan lagu yang dinyanyikan oleh penyanyi utama akan disambut sebagai korus atau 'jong dondang' oleh penyanyi-penyanyi lain sambil mereka menghayun 'kiut-kiut' mereka di hadapan penyanyi utama dan memulakan gerakan-gerakan tarian mereka mengelilingi penyanyi utama di dalam kawasan sawah padi.

Pada akhir lagu penari-penari itu akan mencapai 'kiut' masing-masing dan dari posisi membongkok mengelilingi sawah padi yang dibayangkan sebagai 'pulau' dengan mengangkat 'kiut' ke atas sambil bersorak atau loghat di sana dipanggil 'bersuruk'. Perlakuan ini dilakukan bagi setiap lagu yang dinyanyikan selepas habis tiga rangkap pantun.

Rajah 2: Mendengarkan lagu sambil merumput mengelilingi sawah padi sambil 'bersuruk'



Rajah 3: Menunjukkan tarian Indung seolah merumput (merepeh) mengelilingi 'pulau' sawah padi sambil bernyanyi dengan berpantun



Menurut seorang bekas penggiat seni itu, Puan Jariyah Mat Petah, berusia 77 tahun berkata, ketika masyarakat di Ulu Tembeling menanam padi atau 'buat padi' dan sering membersihkan kawasan tanaman padi mereka daripada ditumbuhi rumput, mereka akan bernyanyi dalam bentuk pantun dan menari secara bergilir-gilir. Menurut, Puan Jariyah, terdapat 38 buah lagu di dalam rangkaian Tarian Indung ini. Jumlah itu adalah koleksi yang

dirakamkan secara lisan oleh sekumpulan penari-penari Tarian Indung yang ada ketika itu. Judul-judul lagu dalam rangkaian Tarian Indung tersebut adalah seperti berikut:

1. Anak Indung
2. Kubang
3. Yanakidin
4. Dendang Sayang Adik
5. Buai Limau Manis
6. Dendang Selendang Cantik
7. Burung Belatok
8. Bagai Denak
9. Cantik Manis
10. Buai Dendang Sayang
11. Timang Landak
12. Yaradin
13. Raja Muda
14. Buai Baki
15. Kak Inon
16. Kak Ham Weh
17. Buai Pinang
18. Timang Burung
19. Sungai Cabang
20. Buai Ladong

21. Kapal Tujuh
22. Buai Weh
23. Tengku Panglima
24. Rangkoh Dayong
25. Buailah
26. Lancang Kuning
27. Puteri Bongsu
28. Rentak Kuda
29. Burung Pipit
30. Ya ya
31. Buai Allah
32. Bandan Judi
33. Dodoi
34. Anak Cina
35. Buai Ayun
36. Berkayuh
37. Dendang Dari Dahulu
38. Pulau Indung

Rajah 4: Puan Jariyah menunjukkan kuit atau kerri



Dalam lawatan kami, Puan Jariyah hanya dapat menyanyikan dua buah lagu yang diingatinya kerana sudah lama tidak mendendangkan lagu dan melakukan tarian Indung disebabkan faktor usia. Puan Jariyah dan adik-beradiknya iaitu Mahani Mat Petah, Faizah Mat Petah dan Aminah Mat Petah termasuk saudara mara beliau dahulunya sering menyanyi dan

menarik tarian Indung, tetapi kini mereka sudah tidak melakukan nyanyian dan tarian tersebut kerana aktiviti menanam padi sudah tidak dilakukan di kawasan kampung itu.

Setelah mendengar nyanyian lagu yang didendangkan oleh Puan Jariyah, terdapat lagu bertajuk Burung Belatok mirip lagu berzanji atau marhaban yang popular di kalangan masyarakat Melayu. Nyanyian tersebut dengan senikata menggunakan loghat “Orang Ulu Tembeling” dan sebahagiannya sukar difahami oleh orang luar seperti perkataan bersorak (bersurok), bukit (bukut), buai (bua), remaja (maje), budak-budak (buduk-buduk) dan banyak lagi perkataan dengan loghat Ulu Tembeling. Dari aspek melodinya, nyanyian lagu ini disampaikan secara melismatik atau berdayu-dayu dan secara *acapella* dan monofoni.

Struktur lagu yang disampaikan adalah dalam bentuk AAAB. Penyanyi pertama akan menyanyikan tiga rangkap pantun dengan melodi yang sama berbentuk AAA dan kemudian apabila ‘bersorak’ sambil berdiri mengangkat tinggi alat ‘kiut’ adalah di mana struktur bahagian B bermula. Kemudian diganti pula dengan penyanyi kedua dengan melodi dan tiga rangkap pantun yang lain tetapi masih menggunakan bentuk lagu AAAB berulang-ulang mengikut bilangan penyanyi terlibat. Mud dan dinamik lagu adalah bergantung kepada senikata atau pantun yang dinyanyikan.

Pertubuhan Kebudayaan dan Kesenian Daerah Jerantut (PKKDJ) yang telah melakukan Program Jejak Seni Ulu Tembeling ini merupakan satu inisiatif yang perlu dipuji. Pihak berkaitan kebudayaan atau pelajar muzik etnomuzikologi daripada Institut Pengajian Tinggi (IPT) juga perlu mendokumentasi dan membantu menghidupkan semula nyanyian dan tarian ini untuk diperkasa agar dapat menambah khazanah budaya Melayu. Antara lain, kumpulan budaya turut perlu menghantar penggiat seni budaya untuk mempelajari bagi menghidupkan seni ini seperti seni muzik tradisional lain yang mula ‘lesu’. Semoga, budaya Melayu tradisi yang ada di negara ini dapat diselamatkan dengan memberi perhatian khusus oleh pihak berwajib demi menghargai khazanah seni Melayu yang terdapat di negara Malaysia.

Rajah 5: Anggota Pertubuhan kebudayaan dan Kesenian Daerah Jerantut menyantuni Puan Jariyah di Kampung Bantal, Ulu Tembeling



PERTANDINGAN BATTLE OF THE BAND 2023



Nadiah Hayati bt. Omar
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

Dalam usaha untuk melakukan transformasi bagi melahirkan pendidik yang kompeten, bersahsiah terpuji, berdaya saing dan berintegriti sejajar dengan Perancangan Strategik Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) 2022-2025 di bawah Kluster 6 iaitu ‘Meningkatkan Kompetensi dan Kualiti Pelajar’ dan Kluster 7 iaitu “Meluaskan Jaringan Kerjasama dalam dan Luar Negara dalam Pendidikan Keguruan’, Jabatan Pendidikan Muzik, IPGKIK selaku peneraju kebitaraan dalam bidang Pendidikan Muzik di Malaysia telah menjadi pengelola bagi pertandingan ‘Battle Of the Bands’ 2023 dengan kerjasama IPGM serta penaja bersama daripada DOREMI Sound and Light Sdn. Bhd, CASIO, dan Syarikat Perniagaan Weng Sing.

Sebelum pertandingan ini bermula, pihak menganjur telah menghebahkan tarikh serta syarat-syarat pertandingan kepada kesemua 27 buah IPG Kampus di Malaysia. Sambutan penyertaan adalah sangat memberangsangkan, dengan 13 buah kampus menghantar video persembahan bagi peringkat saringan. Sambutan yang sangat baik daripada warga IPG Kampus ini menunjukkan bahawa aktiviti tersebut sangat dialu-alukan sebagai wadah kepada siswa guru untuk menonjolkan bakat diri masing-masing dalam bidang muzik dan persembahan.

Tidak dapat dinafikan kesemua peserta mempunyai kemahiran muzikal dan kehebatan yang tersendiri membuatkan juri sukar untuk memilih peserta yang layak ke peringkat akhir. Namun begitu, atas keperluan pertandingan dan kebijaksanaan panel juri, enam buah kumpulan telah berjaya ke peringkat akhir. Panel juri pada peringkat saringan bukanlah asing lagi dalam dunia muzik, mereka terdiri daripada mantan ahli akademik jurusan muzik (Alumni Pendidikan Muzik IPG Kampus Ilmu Khas) dan seorang mantan ahli band Persatuan Sukan dan Kebudayaan Kementerian Pendidikan Malaysia (MESCA).

1. Encik Bakhtiar Mohamad Salleh
2. Encik Megat Zulkifli bin Megat Ibrahim
3. Encik Suimeyami bin Md.Saleh

Sehubungan itu, secara rasminya pada 26 September 2023 Jabatan Pendidikan Muzik IPGKIK telah mengadakan acara kemuncak pertandingan ‘Battle of The Bands’ bertempat di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Dr.

Rosli bin Yacob, Pengarah Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) pada ketika itu (kini beliau telah bersara).

Battle of The Bands 2023 (BOTB) merupakan satu medan yang dapat memberi pendedahan serta memupuk penghargaan terhadap seni muzik. Medan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan tentang nilai-nilai kesenian bangsa sebagai teras pembentukan masyarakat berbudaya. Selain itu, melalui pertandingan ini juga, kita dapat membina daya saing secara sihat dan positif melalui aspek permainan alatan muzik secara kreatif dalam bentuk persembahan secara berkumpulan.

Battle of The Bands 2023 telah memberikan satu persaingan yang sengit dalam kalangan peserta, kerana kesemua mereka telah memberi persembahan yang sangat baik. Peserta telah menunjukkan aksi persembahan yang sangat mengujakan, dengan penuh keyakinan, dan sangat profesional walaupun mereka masih lagi bergelar siswa guru. Enam penyertaan yang terpilih ini merupakan kumpulan siswa guru yang berkemahiran dalam bidang muzik daripada kampus berikut:

1. IPG Kampus Ilmu Khas
2. IPG Kampus Darul Aman
3. IPG Kampus Perlis
4. IPG Kampus Ipoh
5. IPG KampusTengku Ampuan Afzan
6. IPG Kampus Tun Abdul Razak



Juri bagi pertandingan akhir adalah terdiri daripada:

1. Datuk Mokhzani bin Ismail iaitu Pengarah Muzik Radio Television Malaysia (RTM) selaku ketua juri yang juga merupakan Alumni Jabatan Pendidikan Muzik IPG Kampus Ilmu Khas.
2. Encik Isyam Swardy bin Daud iaitu Timbalan Dekan Fakulti Muzik Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).
3. Encik Ramlan bin Imam iaitu Pengarah Bahagian Inovasi, Jaringan Strategi dan Pemasaran (ASWARA).
4. Encik Farid bin Yahaya iaitu seorang Pensyarah di International College of Music (ICOM).

Pertandingan berlangsung selama lebih kurang tiga jam dengan meriahnya dan diakhiri dengan keputusan pertandingan yang berpihak kepada IPG Kampus Ipoh.

Tempat kedua dimenangi oleh IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan, manakala tempat ketiga dimenangi oleh IPG Kampus Perlis. Pemuzik terbaik pilihan juri disandang oleh Saudara Muhammad Zaim bin Zamri daripada IPG Kampus Perlis, manakala bagi lagu ciptaan terbaik pilihan juri disandang oleh pencipta lagu 'Ora Nyata' iaitu Saudara Shaiful Emir Haqim bin Shaiful Asnawi daripada IPG Kampus Ilmu Khas.

Selain menonton persembahan peserta yang bertanding, para penonton juga dihidangkan dengan persembahan *pocket show* di pintu masuk dewan iaitu persembahan Gamelan daripada siswaguru tahun 4. Selain itu, persembahan ‘Tarian Rampaian’ (tarian pembukaan) juga dipersembahkan oleh siswaguru telah memukau penonton dengan gerak tari yang indah. BOTB bukan sahaja membuka peluang kepada bakat bermain alatan muzik, malahan memberi peluang pelajar menonjolkan bakat dalam bidang seni tari dan nyanyian, yang mana persembahan selingan diserikan dengan nyanyian solo serta duet yang merdu dan tarian lagu ‘Hati Kama’ daripada siswa guru yang terlibat. Selain itu, kumpulan Koir Jabatan Pendidikan Muzik yang dipimpin oleh Dr. Fauzila bt. Abdul Latif juga telah membuat persembahan pada akhir acara. Pendek kata, keseluruhan persembahan rata-ratanya adalah dilakukan sendiri oleh siswa guru dari Jabatan Pendidikan Muzik IPG Kampus Ilmu Khas. Hal ini menunjukkan bahawa bakal guru ini telah didedahkan dengan pelbagai acara kesenian sebelum mereka menjadi guru untuk menerajui bidang pendidikan di masa hadapan. Mereka juga sangat berbakat, kreatif serta penuh komitmen dalam menjalankan tugas yang diamanahkan kepada mereka.

Kesimpulannya, setiap pertandingan yang dijalankan memerlukan komitmen yang tinggi daripada semua pihak yang terlibat, tidak ketinggalan bahagian kewangan yang sememangnya diperlukan untuk menjayakan acara yang besar dan gemilang.

Rajah 1: IPG Kampus Ipoh – Juara *Battle of The Bands 2023*



Rajah 2: IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan - Naib Juara *Battle of The Bands 2023*



Rajah 3: IPG Kampus Perlis – Tempat ketiga *Battle of the Bands* 2023



Rajah 4: Pemuzik terbaik dari IPG Kampus Perlis
Melvin Zaidi Zaidi



Rajah 5: Pencipta lagu terbaik dari IPGKIK
Shaiful Emir Haqim bin Shaiful Asnawi



Rajah 6: Barisan para juri yang mengadili pertandingan BOTB



Rajah 7: Persembahan *pocket show* Muzik Gamelan dan Tarian Rampaian oleh siswa guru IPGKIK



Rajah 8: Persembahan Koir Jabatan Pendidikan Muzik



Rajah 9: Kumpulan band NISKALA daripada IPG Kampus Ilmu Khas di bawah seliaan Puan Nadiah Hayati bt. Omar dan Dr. Fauzila bt. Abdul Latif



VISITING PROFESSOR OF MUSIC FROM GERMANY

In the realm of music education and the science of teaching music, we have all heard of at least a few well-known pedagogues such as Dalcroze, Carl-Orff, and Zoltan Kodaly who originated from European countries. The didactic, also known as the science of music teaching in German is well-recognised internationally. Germany is the place from which well-known music composers such as Ludwig van Beethoven, Johann Sebastian Bach, Robert Schumann, George Frideric Handel and Felix Mendelssohn originated. Even the famous Hans Zimmer who scored famous film music such as *The Lion King*, *the Pirates of the Caribbean*, *the Dark Knight trilogy*, *Inception*, and *Man of Steel* originated from Germany. The academic visit of Professor Dr. Heike Henning from the Universität Mozarteum Salzburg, Innsbruck to Universiti Malaya has sparked a remarkable exchange of ideas in the realm of local music education.

Figure 1: Professor Dr. Heike Henning's visit to Universiti Malaya



Dr Heike Henning introduced new ideas of teaching music and singing to the graduate and postgraduate students in Music from the faculty of Creative Arts. Music plays an important role in representing the culture of the people and many languages were incorporated in songs to unite the multicultural society. The songs taught by Professor Dr Heike Henning were both aesthetic and meaningful although they were based on the German context. This shed new perspectives for Malaysian music educators on how we could utilise the ideas in our own local context.

The workshop was attended by a total of 49 participants (postgraduate, undergraduate students and visitors) who enjoyed very much wonderful workshop activities such as singing, teaching strategies, didactic for conducting singing lessons in the classroom and singing games. The singing of various languages from German, Italian, French and many other countries across the globe in a song was eye-opening for the participants. Learning about

cultural differences and singing has carried a warm sense of togetherness. The Faculty of Creative Arts, University Malaya has greatly appreciated Professor Dr. Heike's for her visit and wonderful sharing sessions.

Figure 2: Prof. Dr. Heike teaching the singing of multiple languages through the presentation of countries flag during the workshop



Figure 3: Participants paying attention to Prof. Dr. Heike's instructions during one of the activities



Universiti Malaya is a leading public University in Malaysia. Visit <https://creativearts.um.edu.my/> to find out more about offerings of tertiary music education programs (Undergraduate or postgraduate).

Reported by: Lim Li Wen

THE USE OF DALCROZE'S EURHYTHMIC APPROACH IN MUSIC PEDAGOGY



Md Jais Ismail
Conservatory of Music, UiTM



Peter Ong
Open University Malaysia

Introduction

Since the early 1900s, Dalcroze's Eurythmic approach has been widely used as a pedagogical model. According to Miller (2008), eurythmic activities aim to improve the understanding and learning process of an individual and have been arranged in a very flexible way. It is believed that this activity can improve individual skills of musical elements such as rhythm, tempo, musical form and pitch. Singing, dancing, singing while dancing, playing musical instruments, performing movements that illustrate musical ideas, and making movements based on musical elements are among the activities that can be done.

Dalcroze Eurhythmic Approach

In the eurythmic class, Black and Moore (1997) outline four principles of learning that can be achieved. Firstly, activities performed while listening to music can improve focus and attention. The second thing is that musical activity has the ability to use the right physical movements to respond to the music. Thirdly, the ability to connect music with feelings. The fourth is improving the skills of interacting with other people, that is, being able to distinguish between personal needs and the needs of others. Therefore, to express the musical elements, movement activities such as walking, jumping, clapping and running can be done.

Children are encouraged to move freely in eurythmic class and wear appropriate and comfortable clothing, such as sportswear. The movements performed are in response to the music. In addition, teachers can play music using the piano. They can also play pre-recorded music. Teachers produce music based on observations of children's movements, while children's movements show elements of tempo, dynamics, texture, phrase structure and musical style (Farber & Thomsen, 2018).

Lee (2017) states that when planning eurythmic activities, there are four main things to consider. Reaction is the first component. This shows that activities planned based on the aspect of reaction have something to do with how a person reacts to stimuli. For example, slow motion and waving hand gestures indicate a song played in a sad mood. It shows that actions show sad reactions. Boyarsky (2009) states that activities that take into account reaction elements allow children to make expectations, organize movements, arrange coordination and follow-up. Reaction activities can be done with aural or visual instructions and a piano instrument.

Memory is the second component. This shows that the activities performed can affect a person's mind or memory. It requires a person to pay full attention to a stimulus and then act on it. For example, the teacher plays a melody on the piano, and as soon as the teacher finishes playing, the children sing it again. According to Lee (2017), activities can also be done by identifying the movement that has been done and then re-doing the movement.

The third aspect is do or stop. For example, this activity shows that music has the ability to make a person move or stop. Therefore, one must follow the direction of the music. For example, children walk when they hear music and stop when the music is stopped. According to Lee (2017), children can also do the opposite of this, such as walking when the music is stopped and stopping when the music is played again.

The fourth aspect is sensation. Touch, hear and see are the three senses involved when performing eurythmic activities. For example, an activity that uses the sense of touch is patting a rhythmic pattern on a friend's shoulder and then singing it. Playing rhythms on the piano and having children clap to the rhythms are examples of activities that use the sense of hearing. Walking, clapping, hand gestures, singing and playing musical instruments are all methods that can be used for this exercise.

Eurythmic learning activities require mental use as a whole and kinesthetic awareness, according to Frego (2013). This learning takes place physically, allowing children to hear and respond to musical stimuli. The stimulating effect of this music then affects their body senses. After it is sent back to the brain, it will form an understanding of the activity performed. Eurythmic initiation activities usually begin with walking to respond to changes in tempo, dynamics and phrasing of the song. In activities like this, children learn how to manipulate the body, such as using body weight to represent music. In addition, teachers can distinguish musical elements such as beat, meter, rhythm, phrase and form.

Dalcroze's Eurythmic teaching can be shaped based on the teacher's skills. According to Juntunen (2004), these activities can be carried out in any situation, but the purpose must be to expand musical knowledge, improve movement learning, improve focus, listening skills, musical expression, and improve musical experience. They move, listen, sing, improvise, think and imagine music while moving. Using limbs as instruments, this activity combines music with body movement. There is no specific movement set to perform Dalcroze's task. Children usually listen to songs and move. This activity is known as musical sound reflection. Inner hearing can also help children learn. Inner hearing helps the child to make movements. Activities can be carried out in groups, in pairs or individually. Observation and interaction with others as well as own movement contribute to learning.

According to Lee (2018), Dalcroze's Eurythmic approach uses a discovery and problem-solving approach as a learning method. In addition to depending on the teacher, children are given the opportunity to explore specific musical skills. This is contrary to traditional teaching ideas that make the teacher the determiner of what students learn. In Dalcroze's Eurythmic class, the teacher functions as facilitator. In addition, children are given

the opportunity to solve problems in a unique way. According to Viljoen's study (2018), Dalcroze's Eurhythmic approach is one of the best problem solving methods during the learning process. This is because it meets the characteristics of problem solving, such as allowing interaction between children, group work, adequate space and social environment.

Discussion

As educators, we believe that Dalcroze Eurhythmics is a valuable tool that can be used to enhance music education in many ways. It is a holistic approach that engages the whole child, body, mind, and spirit, in the process of learning music.

One of the key benefits of Dalcroze Eurhythmics is that it helps students to develop their inner hearing. This is the ability to hear music in their minds without having to externalize it through an instrument or voice. Inner hearing is essential for many musical skills, such as singing, playing an instrument, and composing. Besides, Dalcroze Eurhythmics helps students to develop their rhythmic and melodic awareness. Students learn to move to different rhythms and melodies, and they also learn to improvise their own movements. This helps them to develop a deeper understanding of music and to become more expressive musicians.

In addition, Dalcroze Eurhythmics can help students to develop their creativity and self-expression. Students are encouraged to explore their own movements and to find ways to express themselves through music. This can help them to build confidence and to develop their own unique musical voice. We believe that Dalcroze Eurhythmics can help students to develop their social skills. Students often work together in groups to create and perform Dalcroze activities. This helps them to learn how to cooperate, communicate, and support each other.

We suggest some ways to incorporate Dalcroze Eurhythmics into our teaching pedagogy: Firstly, you can use movement to teach musical concepts. For example, you could have students walk or run to different rhythms, or you could have them move their bodies to represent different melodies. Secondly, you can have students improvise their own movements to music. This is a great way to encourage students to be creative and to explore their own musicality. Next, you can use Dalcroze activities to teach music theory. For example, you could have students move their bodies to represent different musical elements, such as pitch, harmony, and form. Besides, you can incorporate Dalcroze activities into your classroom routine. For example, you could start your class each day with a Dalcroze warm-up, or you could use Dalcroze activities to transition between different activities. Next, you don't need to overhaul your entire curriculum in order to incorporate Dalcroze Eurhythmics. You can start by adding a few simple Dalcroze activities to your existing lessons. You can be creative to use Dalcroze Eurhythmics in the classroom. Do not be afraid to experiment and find what works best for you and your students. You should always remember that Dalcroze Eurhythmics should be a fun and engaging experience for both you and your students in your teaching pedagogy.

Conclusion

Dalcroze Eurhythmics is a versatile and effective approach to music education that can be used with students of all ages and abilities. It is a great way to help students develop their musical skills, creativity, self-expression, and social skills. Dalcroze Eurhythmics is a valuable approach to music education that can be used to help students develop a wide range of musical skills, including rhythm, pitch, melody, harmony, and form. If you are a music educator, we encourage you to learn more about Dalcroze Eurhythmics and consider incorporating it into your teaching. It is a powerful method that can help your students to learn and grow in a musical way.

References

- Black, S. J. & Moore, F. S. (1997). *The Rhythm Inside, Connecting Body, Mind, and Spirit Through Music*. Portland, Oregon: Rudra Press.
- Boyarsky, T. (2009). Dalcroze Eurhythmics and the Quick Reaction Exercises. *The Orff Echo*, 41(2), 15-19.
- Farber, A., & Thomsen, K. (2018). What is Dalcroze? Retrieved April 22, 2018, from <https://dalcrozeusa.org/about-us/history>
- Frego, D. (2013). The Approach of Emile Jaques-Dalcroze. Retrieved February 4, 2018, from <https://www.allianceamm.org/resources/dalcroze/#history>
- Juntunen, M. L. (2004). *Embodiment in Dalcroze eurhythmics* (Doctoral dissertation, University of Oulu). Oulu: Oulu University Press.
- Lee, J. H. (2017, December 28). *Dalcroze Pedagogy*. Lecture presented at Dalcroze Malaysia Workshop in BSKL Petaling Jaya, Kuala Lumpur.
- Lee, J. H. (2018, December 29). *Dalcroze Pedagogy*. Lecture presented at Dalcroze Malaysia Workshop in BSKL Petaling Jaya, Kuala Lumpur.
- Miller, P. A. (2008). Music theory pedagogy: Melding Dalcroze Eurhythmics with Brain Gym RTM. *MM, University of Missouri-Kansas City*. ProQuest Dissertations and Theses, 304518495.
- Viljoen, R. (2018). *Problem-based learning in music education: the Dalcroze Eurhythmics approach as exemplar* (Doctoral dissertation, North-West University).

THE IMPORTANCE OF MUSIC IN EARLY CHILDHOOD EDUCATION



Peter Ong
Open University Malaysia



Rozaina bt Abd. Razak
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

Introduction

Music plays an important role in young children's growth and development. Children love music and can participate in musical activities on a variety of levels, as anyone who has dealt with young children will attest to. In fact, early exposure to music has a positive impact on a child's overall quality of life. Undoubtedly, music has a significant impact on children's development, helping to shape their outlook on life as well as their social and psychological lives. However, most people, including parents, early childhood educators, the general public, and others, view music as primarily for enjoyment. Music has not been used to support children's growth in the aforementioned areas. Young infants respond to music intuitively and spontaneously because they express themselves through it. Their enculturation process includes music.

Past Studies

According to Kirby et al. (2023), music-based activities help young children learn and grow, particularly in the areas of social and emotional development and language and literacy development. Additionally, music-based activities may be especially beneficial for assisting dual language learners, who are described as young children who speak more than one language at home and in the classroom and who make up a sizeable and increasing percentage of students in early childhood education settings. Music has long been employed in early childhood classrooms to organize daily schedules, encourage artistic expression, and incorporate instructional subjects.

A study on the benefits of music in early childhood schools on the development of language and literacy abilities was done by Rowe et al. in 2023. They claimed that early exposure to music helps foster language and literacy skills, including phonological awareness, vocabulary, turn-taking, and self-regulation abilities that are important for communication in general. Early childhood classroom music activities can be very beneficial for the language development of dual language learners.

Mugaya (2022) did research on the role of music in early childhood education and the impact it has on student engagement and child development. The findings indicated that music was a frequent and significant tool that was successfully employed for beneficial reasons in early childhood education in terms of children's development in areas such as social, cognitive, emotional, motor, and language. The study also discovered that incorporating music through

songs into classroom interactions encourages students to show up for class, pay attention in class, and learn how to communicate more effectively.

Children's Social Development is Influenced by Music

According to Judit (2022), music is a powerful tool that can influence children's social development in many positive ways. It can help them to learn how to interact with others, express themselves, and manage their emotions. One of the most important ways that music influences children's social development is through joint music-making activities. When children sing, dance, or play instruments together, they learn how to cooperate, take turns, and listen to others. They also learn how to communicate their ideas and feelings through music.

Another way that music influences children's social development is through its ability to evoke emotions. Music can make children feel happy, sad, angry, or excited. These emotions can be a powerful tool for social learning. For example, when children sing songs about friendship or sharing, they can learn about these important social concepts in a fun and engaging way.

Blasco-Magraner et al. (2021) mentioned that music can also help children to develop their empathy skills. When children listen to music that expresses different emotions, they can learn to understand and empathize with the feelings of others. This can help them to build stronger social relationships. Music can help children to develop their social skills by providing them with opportunities to interact with others in a positive and cooperative way. It can help children to express themselves in a safe and supportive environment. It can also help children to manage their emotions by providing them with a healthy way to express their feelings. Music can help children to develop their empathy skills by teaching them to understand and relate to the feelings of others.

Children's Cognitive Development is Influenced by Music

Music possesses strength and meaning that transcend language. First and foremost, it's crucial to note that playing music for young children is merely another method to show and receive love. Activities including music, like the best early learning experiences overall, foster development across a variety of areas. While rocking a baby, singing a lullaby encourages the development of early language skills, fosters bonding, and enhances an infant's developing spatial awareness as the youngster experiences the mother's body moving at a slow speed (Kirby et al, 2023).

Kirby et al. (2023) added that music may calm and relax the listener and participant while also being genuinely highly motivating. Children feel better about themselves when they participate in music activities that are success-oriented, and it also helps to engage all of their sensory organs. Children can feel good about themselves and have a lot of their problems solved by singing lullabies for them whenever the opportunity arises as parents at home and by giving them opportunities to participate in making music through singing, dancing, and playing with other kids as caregivers and teachers in school. As a result, every child should have the

chance to listen to, participate in, and play any musical instrument of their choice as this is a proven remedy for psychological imbalance.

To provide students the best opportunity of success when they attend high school, music education programmes must be maintained at the elementary school level. Students benefit greatly from participating in music programmes since it will positively impact them for the rest of their lives. Research continues to support the advantages of music education for kids of all ages, from infancy through puberty. Children's music education programs must continue in order for them to continue learning about the world in new ways (Mugaya, 2022).

Figure 1: Children singing while playing musical instruments



Discussion

We strongly believe that music is an integral part of early childhood education. It is a powerful tool that can be used to support all areas of child development, including cognitive, and social-emotional. We believe that music exposes children to new vocabulary and helps them to learn the rhythm and flow of language. Music helps children to develop their memory skills by requiring them to remember melodies, lyrics, and rhythms. It helps children to improve their attention and focus skills by requiring them to listen attentively to the music and follow along with the beat. Music helps children to develop their spatial reasoning skills by requiring them to visualize the relationships between different musical elements, such as pitch, rhythm, and tempo. Music helps children to learn how to regulate their emotions by providing them with a way to express their feelings in a healthy way.

We strongly believe that music should be an essential part of early childhood education. Music is a fun and engaging way for children to learn and grow. It can help them to develop their cognitive and social-emotional skills in a well-rounded way. We believe that every child should have the opportunity to experience the joy of music. We can provide this opportunity by exposing children to a variety of different musical genres and by providing them with opportunities to make music themselves. We suggest some ways that can incorporate more music into early childhood education. We can always sing songs with children. We can play music during activities, such as mealtimes, playtime, and naptime. We can provide children with access to musical instruments and other musical materials. We can encourage children to dance and move to music. We can also offer music classes or workshops for children and their families. Last but not least, we can help children to develop a lifelong love of music and to reap all of the benefits that it has to offer.

The significance of music in early childhood education is very transformative. The aforementioned factor assumes a crucial function in influencing the cognitive, emotional, and social maturation of young children. The advantages are significant and extensive, establishing the foundation for a lifelong experience of enhanced education and individual development. It is imperative for early childhood educators, parents, and society at large to acknowledge and adopt a comprehensive understanding of the diverse range of opportunities that music presents to our youngest learners. Undoubtedly, it is among the most harmonious contributions we can offer to subsequent generations.

Conclusion

In order to best stimulate the various areas of development, it is important to prioritize children's growth. Playing music stimulates the development of intelligence, mathematical logic, language acquisition, reading abilities, social skills, and affection. The administrator of the kindergarten must recognize this urgency and properly respond by assigning students to teachers who are experts in the field of music or at the very least have a foundational understanding of it.

In truth, there is still a shortage of preschool teachers with musical training. The use of music education in early childhood education is impacted by this deficit. In order to better understand the characteristics of early childhood educators that fit these requirements, it is required to undertake a more thorough study.

References

- Blasco-Magraner, J. S., Bernabe-Valero, G., Marín-Liébana, P., & Moret-Tatay, C. (2021). Effects of the Educational Use of Music on 3- to 12-Year-Old Children's Emotional Development: A Systematic Review. *International journal of environmental research and public health*, 18(7), 3668. <https://doi.org/10.3390/ijerph18073668>
- Kirby, A. L., Dahbi, M., Surrain, S., Rowe, M. L., & Luk, G. (2023). Music Uses in Preschool Classrooms in the U.S.: A Multiple-Methods Study. *Early Childhood Education Journal*, 51(3), 515–529. <https://doi.org/10.1007/s10643-022-01309-2>
- Mugaya, T. S. (2022). Music in early childhood education: Its importance in child development and classroom interaction. *International Journal of Educational Policy Research and Review*, 9(4), 97–103. <https://doi.org/10.15739/ijeprr.22.011>
- Rowe, M. L., Kirby, A. L., Dahbi, M., & Luk, G. (2023). Promoting language and literacy skills through music in early childhood classrooms. *Reading Teacher*, 76(4), 487–496. <https://doi.org/10.1002/trtr.2155>
- Judit, V. (2022). Music education and social-emotional learning: A review of the literature. *SAGE Open*, 12(1), 215824402121005.

AHLI JAWATANKUASA PENERBITAN BULETIN

Pengerusi

Prof. Madya Dr. Ramona Mohd. Tahir

Setiausaha

YM Raja Nadiah binti Raja Zaharuddin Shah

Penasihat

Dr. Lim Zek Chew

Dr. Wong Huey Yi @ Colleen Wong

Ketua Editor

Dr. Fauzila binti Abdul Latif

Editor

Yeow Su En

Lim Li Wen

Koh How Earn

Maria binti Mohd Hatar

Dr Christine Augustine

Amir Hamzah bin Nordin

Yew Zhi Yong





PENULISAN

ARTIKEL PENDIJIKAN MUZIK

Ruangan penerbitan disediakan
dalam Buletin Persatuan

**Sila hantar draf penulisan ke
mamebulletin@gmail.com**

Untuk maklumat lanjut,
sila layari laman sesawang
<http://mame.org.my>